

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 10  
HINGGA 68 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK  
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN TUAN

DARIPADA

LIEW CHIN TONG 28

TARIKH

MAC 2012 (RABU) NO.

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [ <sup>10</sup>Bukit Bendera ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan status Hal Ehwal Pelajar Universiti-universiti tempatan:-

- (a) jumlah anggota-anggota staf di Hal Ehwal Pelajar di setiap universiti awam; dan
- (b) jumlah perbelanjaan Hal Ehwal Pelajar setiap universiti awam dari tahun 2000 hingga 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan staf di Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPTA antaranya adalah UM seramai 88 orang, USM seramai 332 orang, UKM seramai 271 orang, UPM seramai 134 orang, UTM seramai 298 orang, UIAM seramai 158 orang,UUM seramai 235, UNIMAS seramai seramai 175 orang, UMS seramai 102 orang dan USIM seramai 54 orang.

- (b) Jumlah peruntukan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPTA pada tahun 2011 pula antaranya adalah USM sebanyak RM351 ribu, UKM sebanyak RM15 juta, UPM sebanyak RM1.1 juta, UTM sebanyak RM2.5 juta, UIAM sebanyak RM3.8 juta, UUM sebanyak RM 2.9 juta UNIMAS sebanyak RM11.4 juta dan USIM sebanyak RM2.2 juta.

Soalan No : 11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING  (TUARAN)
TARIKH	28.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING [ TUARAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkembangan terkini projek SMK Pekan Nabalu di Sabah dan berapakah kos projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek SMK Nabalu telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah peruntukan *Private Finance Initiative* (PFI) dengan skop projek 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Anggaran terkini kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM32.7 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perunding dan kontraktor untuk melaksanakan projek telah dilantik dan tarikh milik tapak bagi projek ini adalah

pada 11 Julai 2011. Walau bagaimanapun, permohonan bagi perolehan tapak masih belum selesai sehingga hari ini. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan tapak seawal 4 November 2009 kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Seterusnya JKPTG telah mengemukakan surat bertarikh 18 Januari 2010 kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah, Pejabat Tanah dan Daerah Tuaran, Sabah berhubung permohonan Kementerian. Kemudiannya, surat bertarikh 18 Mei 2010 daripada Penolong Pemungut Hasil Tanah kepada Juru Ukur Daerah Pantai Barat Utara Sabah telah dikemukakan berhubung permohonan mendapatkan pelan lokaliti beserta ulasan sebelum tindakan selanjutnya diambil.

KPM juga telah membangkitkan isu berhubung perihal pengurusan perolehan tanah untuk tujuan pembinaan SMK Nbalu dalam beberapa siri Mesyuarat bersama-sama Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah pada tahun 2009 dan 2010. Walau bagaimanapun, hanya selepas dua tahun permohonan ini dibuat, perkara ini akan dibincangkan di Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Daerah Tuaran (*Land Utility Council*) iaitu pada 2 April 2012. Walaupun proses permohonan tapak masih belum diselesaikan di peringkat Negeri, KPM telah mengambil inisiatif memohon kebenaran awal untuk masuk ke tapak projek melalui pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah melalui surat bertarikh 19 September 2011 dan ulangan pada 28 Februari 2012 kepada Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur bagi memulakan kerja-kerja pembinaan Sekolah ini. KPM sedang menunggu jawapan berhubung permohonan tersebut.

Rjm 55

## **SOALAN**

### **NO.: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN**

## **RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARI PAD A** YB. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
**KAWASAN** SHAH ALAM  
**TARIKH :** 28 MAC 2012 (RABU)

### **SOALAN:**

**YB. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)** minta  
**MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pembinaan  
Hospital Shah Alam.  
Tuan Yang Di-Pertua;

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya (JKR) pada bulan September 2011 telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melantik kontraktor penyiap bagi meneruskan baki kerja-kerja terbengkalai projek pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor. Sehubungan itu JKR pada 10 Oktober 2011 telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada kontraktor berkenaan dengan harga kontrak sebanyak RM410.87 juta. Sehingga 1 Mac 2012, pelaksanaan kerja-kerja di tapak projek berjalan lancar dan mencatatkan kemajuan fizikal sebanyak 8%, iaitu sebagaimana yang dijadualkan. Berdasarkan kontrak, projek menyiapkan baki kerja-kerja terbengkalai Hospital Shah Alam ini dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh 24 bulan, iaitu pada bulan Oktober 2013.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 28 MAC 2012 (RABU)**

**SOALAN(13)**

**DARIPADA Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED  
[ SEKIJANG ]**

### **SOALAN**

**Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [ SEKIJANG ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapakah kita masih lagi membenarkan pembangunan di kawasan tadahan air, kawasan paya dan kawasan laluan air di dalam kawasan seliaan Kerajaan Tempatan kerana kerap kali mengakibatkan banjir.





## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) sedang menyediakan Garis Panduan Perancangan (GPP) Kawasan Sensitif Alam Sekitar yang menggariskan garis panduan umum dan khusus bagi kawasan-kawasan seperti berikut:-

- GPP Kawasan Pesisiran Pantai;
- GPP Kawasan Dataran Banjir, Tanah Lembab dan Bekas Lombong, Tasik dan Sungai;
- GPP Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah;
- GPP Kawasan Bekas dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal dan Sisa Toksid;
- GPP Kawasan Pertanian Makanan;
- GPP Kawasan Warisan Semulajadi dan Antikuiti;

- GPP Kawasan Simpanan Mineral dan Bencana Geologi;
- GPP Kawasan Rezab Hidupan Liar;
  
- GPP Kawasan Hutan Simpan Kekal; dan
  
- GPP Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut.

Selain itu, rancangan pemajuan seperti Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas juga telah disediakan bagi memberi panduan dan membantu pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam urusan merancang, mengawal dan membangunkan kawasan masing-masing.

Mengenai pembangunan di kawasan tadahan air, kawasan paya dan kawasan laluan air di dalam kawasan seliaan Kerajaan Tempatan, keiuluan sesuatu pembangunan berkenaan adalah di bawah penetapan kuasa Kerajaan Negeri dan PBT masing-masing. Walaupun pelbagai garis panduan disediakan di peringkat Persekutuan, namun akhirnya adalah terpulang kepada pertimbangan Kerajaan Negeri untuk memberi keiuluan atau sebaliknya.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)**

**PERTANYAAN**

**TARIKH 28.03.2012**  
**LISAN**

**Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [ KAPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai dari negeri Selangor dan daripada jumlah tersebut berapakah bantuan kewangan yang disalurkan kembali kepada negeri Selangor serta senarai agensi penerima dan berikan jumlah dan pecahan bantuan kewangan yang disalurkan mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai dari negeri Selangor bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM15 bilion, jumlah ini terdiri daripada RM5 bilion bagi cukai langsung dan RM10 bilion bagi cukai tidak langsung. Kutipan cukai ini tidak menggambarkan kutipan sebenar bagi sesebuah negeri oleh kerana kutipan cukai bagi aktiviti di setiap negeri boleh dijelaskan di luar negeri masing-masing. Ini disebabkan antara lain, ibu pejabat syarikat berkenaan berada di luar negeri atau syarikat memilih untuk menjelaskan cukai terus ke ibu pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (cukai langsung) atau Jabatan Kastam Diraja Malaysia (cukai tidak langsung) memandangkan cukai tersebut adalah hasil Kerajaan Persekutuan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan

Pembangunan. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan untuk membiayai operasi Kementerian/Agensi dan pembiayaan untuk Pemberian Kepada Kerajaan Negeri. Sementara Peruntukan Pembangunan disalurkan kepada Kementerian/Agensi untuk melaksanakan projek-projek di semua negeri. Untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan di Negeri Selangor bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM15 bilion. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mengikut negeri bagi tahun 2010 adalah seperti di **Lampiran I**.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISA  
N  
YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU  
ANAK BADAK [LUBOKANTU]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**28 MAC 2012 (RABU)**

**SOALAN**

**NO. 15**

### SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bolehkah Kerajaan:-

- (a) memansuhkan hutang lapok pinjaman rumah panjang penduduk yang dipindahkan dari kawasan empangan Batang Ai; dan
- (b) minta Kerajaan menyediakan tapak rumah baru memandangkan begitu banyak keluarga baru yang bertambah tidak ada tempat untuk mendirikan rumah sebagai balasan pengorbanan mereka meninggalkan tempat asal mereka untuk memberi laluan Empangan Hidro Batang Ai.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembinaan Empangan Batang Ai yang mempunyai kapasiti penjanaan 100MW telah dimulakan pada tahun 1982 dan mula operasi pada 1985. Seramai 609 keluarga yang melibatkan 26 buah rumah panjang di Kg. Batang Ai telah diminta berpindah ke kawasan penempatan semula. Penduduk telah diberi pampasan 'bilik' berjumlah RM8.000 di mana wang tersebut telah digunakan sebagai deposit bagi 'bilik' yang baru. Harga bagi 'bilik' yang baru adalah RM26,000 dan penduduk perlu menjelaskan baki bayaran rumah sebanyak RM18,000 secara ansuran. Selain daripada itu, penduduk turut menerima pampasan bagi pokok-pokok yang ditanam serta menerima tanah daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk Kerajaan memansuhkan hutang pinjaman rumah panjang penduduk di Batang Ai dan cadangan penyediaan tapak baru bagi menampung penambahan bilangan penduduk di kawasan tersebut, adalah wajar perkara ini di bawah untuk

perhatian Kerajaan Negeri Sarawak memandangkan keseluruhan



projek adaiah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

\*\*\*\*\*

16

NO

SO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

N

**DARI PADA**

**: Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)**

**: LISAN**

**PERTANYAAN**

**: 28.03.2012**

**TARIKH**

**Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan akaun-akaun simpanan KWSP terutamanya untuk tujuan pembiayaan kesihatan, berapakah jumlah terkumpul atau yang telah dikeluarkan oleh pencarum serta bagaimanakah kaitan dengan Skim Pembiayaan Kesihatan baru 1CARE.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1994 KWSP telah memperkenalkan Pengeluaran Kesihatan yang bertujuan untuk membantu ahli menanggung kos rawatan perubatan bagi penyakit kritikal yang dihadapi oleh ahli dan keluarga mereka. Di bawah pengeluaran ini, ahli dibenarkan mengeluarkan simpanan dalam Akaun 2 untuk membiayai kos rawatan perubatan penyakit kritikal dan/ataupembelian peralatan bantuan kesihatan yang diluluskan oleh Lembaga KWSP yang dihadapi oleh ahli atau ahli keluarga yang dibenarkan. Buat masa ini, terdapat sebanyak 55 jenis penyakit yang diluluskan oleh Lembaga KWSP bagi pengeluaran ini. Kos rawatan yang dibenarkan adaiiah kos yang tidak dibiayai oleh majikan.

2. Selain itu, ahli juga boleh mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk

membayai kos rawatan penyakit kritikal yang dihadapi oleh anggota keluarga yang dibenarkan seperti pasangan (suami/isteri), anak-anak, anaktiri, ibubapa, ibubapa tiri, ibubapa angkat yang sah, ibubapa mertua, anak angkat yang sah dan adik-beradik.

3. Sejak pengeluaran ini diperkenalkan pada tahun 1994 hingga 2011, seramai 100,652 orang ahli telah mengeluarkan simpanan mereka melibatkan jumlah sebanyak RM559 juta dengan purata pengeluaran RM5,552. Pengeluaran kesihatan ini telah banyak meringankan beban kewangan ahli bagi menanggung kos rawatan perubatan penyakit kritikal dan mempercepatkan ahli mendapatkan rawatan. Pengeluaran Kesihatan ini tidak ada kaitan dengan **Skim Pembiayaan Kesihatan Baru 1CARE**.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, **Skim Pembiayaan Kesihatan Baru 1CARE** adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM  
SULTAN ABU BAKAR  
(JERANTUT)**

**PERTANYAAN : LISAN TARIKH :**

**28.03.2012**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [ JERANTUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah perlu projek-projek yang telah di luluskan oleh Kerajaan mendapat penglibatan syarikat-syarikat di negara ini yang berkecualan, tidak hanya kepada satu atau dua syarikat yang sering mendapat projek-projek besar di negara ini.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha memastikan setiap projek yang

dirancang oleh Kerajaan berjaya dan memberi impak kepada ekonomi negara untuk terus berkembang, Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk memilih kontraktor-kontraktor yang berkelayakan dan berkemampuan melalui kaedah perolehan secara tender bagi mendapatkan harga yang kompetitif.

2. Selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa, perolehan bernilai melebihi RM500 ribu hendaklah dilaksanakan secara tender di kalangan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan. Manakala bagi perolehan kerja pula hendaklah dilaksanakan secara tender di kalangan syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ).

3. Izinkan saya untuk menjelaskan bahawa kontrak Kerajaan diberi kepada syarikat yang berjaya dalam proses tender Kerajaan. Melalui proses tender, syarikat yang mengambil bahagian akan bersaing secara adil dan saksama dalam mengemukakan tawaran harga yang kompetitif, setanding dengan kualiti barang/perkhidmatan/kerja yang ditawarkan. Oleh yang demikian, persaingan bukan sahaja membantu meningkatkan daya saing syarikat-syarikat yang menyertai tender Kerajaan tetapi juga membolehkan Kerajaan mendapat tawaran yang terbaik.

4. Keupayaan syarikat yang menyertai tender Kerajaan akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan bagi melihat kemampuan kewangan dan keupayaan teknikal termasuk pengalaman, prestasi kerja semasa, bilangan kakitangan yang mencukupi serta beban dan kedudukan kerja dalam tangan untuk melaksanakan kontrak yang baru. Ini bermakna setiap syarikat yang layak dan memenuhi kriteria sesuatu tender tidak boleh dihalang untuk menyertai pelawaan tender tersebut walaupun syarikat berkenaan telah mendapat kontrak sebelum itu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH 28 MAC 2012

SOALAN

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah penduduk yang menghadapi masalah mental mengikut kumpulan umur, bangsa dan jantina dan nyatakan langkah-langkah yang telah atau pun akan diambil untuk menangani masalah ini yang nampaknya semakin serius.

Tuan Yang Di Pertua

Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan bagi menganggar jumlah penduduk yang menghadapi masalah kesihatan termasuk masalah mental. Kajian dalam tahun 2006 mendapati bahawa dianggarkan 3 juta penduduk atau 11.2% di kalangan orang dewasa mengalami masalah kesihatan mental.

Masalah kesihatan mental ini merujuk kepada individu yang mengalami gangguan fikiran dan emosi serta boleh menjejaskan fungsi harian atau

mereka yang **berisiko** mengalami penyakit mental. Peraturan ini tidak merujuk kepada penyakit mental semata-mata.

Dalam tahun 2011, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan telah memfokuskan kepada penyakit mental iaitu penyakit kemurungan dan keresahan. Ini adalah kerana ia selari dengan Kajian Beban Penyakit Dunia dan kenyataan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menyatakan bahawa kemurungan iaitu salah satu penyakit mental akan menduduki tangga kedua selepas penyakit kardiovaskular di peringkat dunia. Kajian tersebut mendapati bahawa prevalen kemurungan di kalangan orang dewasa adalah 1.8% (anggaran 339,028 orang penduduk dewasa), manakala prevalen keresahan adalah 1.7% (anggaran 328,835 orang penduduk dewasa).

Dari segi jantina, prevalen kemurungan ialah (Perempuan: 2.3% dan lelaki: 1.4%) manakala prevalen keresahan, (Perempuan: 2.2% dan lelaki: 1.3%). Dari segi pecahan kaum pula, prevalen kemurungan adalah (4.6% India; 1.6% Melayu dan 1.3% Cina). Kumpulan umur 16-24 tahun menunjukkan peraturan kemurungan yang paling tinggi iaitu 2.5% diikuti dengan umur lebih 65 tahun iaitu 2.2% dan seterusnya umur 35-44 tahun iaitu 1.9%.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Promosi kesihatan mental yang telah diperkenalkan seawal tahun 1990an melaksanakan pelbagai aktiviti promosi melalui Kempen Cara Hidup Sihat dan Hari Kesihatan Mental Sedunia. Aktiviti yang bertujuan meningkatkan

kesedaran awam tentang kesihatan mental dan penyakit mental termasuklah pameran, ceramah, bengkel, dialog dan forum telah dilaksanakan dan akan diteruskan. Pada tahun ini, Kementerian Kesihatan akan memberi fokus kepada aspek kesedaran kemurungan (*depression awareness*) dan pencegahan bunuh diri dalam pelaksanaan aktiviti.

Kementerian Kesihatan juga telah membentuk dan akan memperluaskan penggunaan bahan IEC (*Information, Education and Communication*) dalam menangani masalah mental. Kementerian Kesihatan telah membangunkan sebuah laman web [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my). semenjak tahun 2006, di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang topik-topik kesihatan mental.

Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan projek rintis Program Minda Sihat Menangani Stres di kalangan murid-murid sekolah menengah di 6 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia.

Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 buah Institusi Mental dan 42 buah hospital Kerajaan, manakala terdapat sebanyak 671 klinik kesihatan Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan rawatan susulan bagi pesakit mental stabil di peringkat kesihatan primer termasuk aktiviti pemulihan psikososial.

Perkembangan terbaru adalah pewartaan Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) dan Peraturan-peraturan Kesihatan Mental 2010 pada Jun

2010. Dengan pelaksanaan Akta dan Peraturan ini, proses kemasukan ke hospital psikiatri dan pelepasan pesakit dari hospital psikiatri akan berjalan dengan lebih lancar. Akta ini juga menggalakkan pembangunan pusat kesihatan mental masyarakat dan rumah kejururawatan psikiatri swasta. Pada tahun 2012, Kementerian menyasarkan satu pusat kesihatan mental masyarakat bagi setiap negeri. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah mengambil langkah menubuhkan Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental pada Ogos 2012 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan dan dianggotai oleh pakar-pakar psikiatri, pakar-pakar kesihatan awam dan wakil-wakil dari agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan. Ia berfungsi merancang dan menentukan hala tuju Program Promosi Kesihatan Mental selari dengan polisi atau dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

#### SOALAN NO. 19

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[TANJUNG MANIS]

TARIKH 28 MAC 2012

#### SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Ahli Parlimen dibenarkan mendapat akses maklumat e-Kasih untuk memudahkan pertanyaan rakyat.



## **DRAF JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Sistem maklumat bersepadu kemiskinan (e-Kasih) merupakan satu pangkalan data kemiskinan nasional yang mendaftarkan **maklumat isi rumah yang miskin bagi memudahkan agensi dan pelaksana program serta penyampai bantuan untuk menepati sasaran penerimanya. Ianya merupakan satu instrumen untuk membuat semakan, perancangan dan penyaluran bantuan di samping pemantauan impak bantuan dan keadaan kesejahteraan kumpulan sasaran berkenaan. Tambahan pula data dan maklumat yang dikutip adalah berterusan memandangkan insiden kemiskinan adalah dinamik dan banyak punca boleh menyebabkan kemiskinan berlaku.**

Sehubungan itu, akses kepada eKasih adalah terkawal dan ianya hanya boleh dilakukan oleh agensi dan jabatan kerajaan yang dibekalkan ID atau kata laluan. Sehingga **31 Disember 2011**, sejumlah **3,545 ID** telah dibekalkan ke seluruh negara di pelbagai peringkat. Agensi berkenaan bertanggungjawab ke atas ketepatan dan kesahihan maklumat dalam eKasih dan bantuan yang diberikan.

Walau bagaimana pun, data dan pelaporan mengenai insiden kemiskinan bagi kawasan tertentu boleh diekses dan salinan cetakan diperolehi melalui Focus Group Mengenai Pembasmian Kemiskinan di Peringkat Daerah ataupun di Peringkat Negeri. Kemudahan ini disediakan kepada semua pihak terlibat termasuk pemimpin setempat, agensi bukan kerajaan dan kawasan yang mengalami masalah *connectivity* (tidak boleh diekses melalui web).

Memandangkan maklumat yang dikutip adalah maklumat peribadi (*profile*) dan terperinci, ianya tertakluk kepada kerahsiaan peribadi. Ia juga merekodkan perubahan status Ketua Isi Rumah (KIR) berdasarkan kepada formula pendapatan garis kemiskinan perkapita semasa.

Klo • SoALAtJ ' 2  
O NO-AtWI-r§  
NSA-UP—■!

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA PER  
TAN  
YAA  
N  
TARIKH LISAN

RUJUKAN PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]

28 MAC 2012

4489

**SOALAN**

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarikat yang diberi kontrak mengeluarkan notis kesalahan trafik secara pos, prosedur penyerahan notis, syarat-syarat kontrak termasuk pembahagian hasil kutipan. Nyatakan sejauh mana sistem baru ini berbeza dengan yang dahulu dan adil kepada pengguna jalan.



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, buat masa ini syarikat yang telah diberi kontrak untuk mengeluarkan notis kesalahan trafik secara pos adalah Percetakan Nasional Berhad. Bagi Syarikat yang dilantik sebagai ejen kutipan saman trafik pula adalah Pos Malaysia Berhad dengan kadar caj perkhidmatan yang ditanggung oleh Kerajaan sebanyak RM2.00 per transaksi, Syarikat MyEG Services Bhd dan Syarikat Komms Bhd dengan kadar caj perkhidmatan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi pembayaran saman melalui portal [www.myeg.com.my](http://www.myeg.com.my) dan [www.rilek.com.my](http://www.rilek.com.my) sebanyak 1.8 peratus daripada jumlah pungutan bagi bayaran melalui kad kredit dan RM0.50 per transaksi bagi bayaran secara kad debit.

Berhubung dengan prosedur penyerahan notis saman pula adalah tertakluk kepada Seksyen 118 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 iaitu penyampaian dan tanda tangan notis. Di bawah Seksyen ini apa-apa notis yang dikehendaki, diberikan atau disampaikan adalah boleh dihantar melalui pos berdaftar kepada orang yang terjejas olehnya, melainkan jika apa-apa cara penyampaian yang lain ditetapkan.

Pelaksanaan sistem baru cetakan dan pengeposan notis saman ini jauh

Tuan Yang di-Pertua,

berbeza dengan sistem terdahulu yang mana sebelum tahun 2009, cetakan saman pos adaiiah dibuat oleh PDRM sendiri. Mulai tahun 2009, pihak PDRM telah melantik Percetakan Nasional Berhad untuk mencetak semua notis kesalahan saman melalui pos daftar. Sistem ini memudahkan Orang Kena Saman (OKS) untuk melaksanakan urusan semakan dan pembayaran saman mereka. Selain membuat semakan dan membayar saman di 151 kaunter trafik Cops di Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Daerah seluruh negara, OKS juga boleh membayar saman di 705 kaunter Pos Malaysia Berhad seluruh negara, cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terpilih, kaunter bayaran saman di pusat beli belah terpilih dan portal [www.myeg.com.my](http://www.myeg.com.my) atau [www.rilek.com.my](http://www.rilek.com.my).

NO.SOALAN : 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD  
SADIQUE

TARIKH 28 MAC 2012

SOALAN:

YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan awam yang berpendapatan RM1.500 ke bawah sebulan dan nyatakan langkah- langkah Kerajaan bagi memastikan semua penjawat awam berada di atas paras kemiskinan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Paras kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM720. Bagi penjawat awam pula, jumlah pendapatan minimum adalah sebanyak RM1.159 sebulan yang meliputi kenaikan gaji sebanyak 13% dan imbuhan tetap bulanan seperti Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan dan COLA yang telah dinaikkan sebanyak RM150 sebulan. Oleh itu, jumlah pendapatan kakitangan awam pada masa ini sudah pun melepasi paras kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.





**NO SOALAN :>>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA** : **Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)**  
**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**TARIKH** : **28.03.2012**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

a) Kewajaran menjual saham Proton kepada DRB-Hicom dengan harga RM5.50 sesaham apabila Harta Ketara Bersih (Net-Tangible Asset) Proton bernilai RM9.81 sesaham; dan

b) Jumlah keuntungan yang dihasilkan oleh Khazanah Nasional Berhad dalam transaksi ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai syarikat Proton seperti yang dilaporkan oleh pengurusan syarikat adaiah berdasarkan kepada nilai Aset Ketara Bersih (NTA) syarikat, yang mana penilaian ini disediakan selaras dengan tatacara dan piawaian perakaunan semasa. Bagi penilaian harga saham pula, ia adaiah berdasarkan kepada penilaian pasaran ke atas syarikat, iaitu jangkaan nilai syarikat pada masa depan. Kedua-dua kaedah pengukuran ini adaiah berbeza memandangkan ia mempunyai fokus atau perspektif penilaian yang berlainan. Oleh itu, sebagai sebuah syarikat tersenarai, adaiah lebih tepat untuk menilai

.syarikat berdasarkan kepada harga saham di pasaran dan bukannya berdasarkan nilai NTA kerana penilaian ini (NTA) tidak memberi gambaran penuh terhadap nilai sebenar syarikat.

2. Harga jualan RM5.50 sesaham mewakili premium 12.7% dan 26.73% bagi Harga Purata Berwajaran Dagangan (*Volume-weighted Average Price* atau VWAP) masing-masing bagi tempoh satu (1) bulan dan tiga (3) bulan VWAP saham Proton sehingga 13 Januari 2012 (iaitu hari terakhir dagangan penuh sebelum pengumuman penjualan Proton dibuat).

3. Pada amalannya, Khazanah tidak memperincikan kos pelaburan, prinsip perakaunan atau keuntungan yang diperolehnya daripada setiap transaksi pelupusan yang dilaksanakan. Namun, bagi transaksi ini, Khazanah tetap berjaya meraih keuntungan bagi pelupusan 42.74% saham Proton yang dimilikinya kepada DRB-Hicom Bhd, memandangkan kos pegangannya adalah lebih rendah berbanding harga jualan RM5.50 sesaham.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 28 MAC 2012 (RABU)

DARIPADA Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]

#### **SOALAN**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasional cadangan Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Seri Michael K C Yam untuk menukar secara automatik status lot Bumiputera jika gagal dijual dalam tempoh masa tertentu kononnya bagi mengatasi kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pemaju.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk

## SOALAN ( 23 )

menukar dasar memperuntukkan kuota dan penjualan lot perumahan kepada bumiputera. Dasar ini diperkenalkan untuk membolehkan peningkatan peratusan pemilikan perumahan oleh bumiputera. Semua mekanisma dan kaedah pelaksanaan penetapan jumlah peratusan pengagihan perumahan kepada bumiputera mengikut kategori perumahan yang dibina adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang diputuskan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

**JAWAPAN:**

No. Soalan: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [**  
**Permatang Pauh ]**

**TARIKH**

**Rabu, 28 Mac 2012**

**SOALAN**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung tindakan negara China dan Rusia menggunakan kuasa veto menafikan resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk memberi tekanan kepada Syria ekoran pembunuhan rakyat Syria yang melibatkan rejim pemerintahan di Damsyek.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Permatang Pauh di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pergolakan politik yang menjejaskan keselamatan di Syria masih berterusan. Sehingga kini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 7,500 orang awam telah terkorban di Syria sejak pemberontakan bermula pada 16 Mac 2011.

3. Malaysia memandang berat konflik yang semakin meruncing di Syria yang pastinya akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan geopolitik dunia. Malaysia akan terus bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik di Syria menerusi peringkat dua hala mahupun peringkat pelbagai hala.

4. Dalam hal ini, semasa lawatan PYT Dr. Bouthaina Shaaban, Utusan Khas kepada Presiden Syria ke Malaysia pada 10-12 Oktober 2011, Malaysia telah menyuarakan kebimbangan terhadap apa yang berlaku di Syria. Selain itu, semasa Mesyuarat Terbuka Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di peringkat Menteri yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 30 November 2011, Malaysia telah menyokong penuh usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Liga Arab bagi menyelesaikan krisis Syria secara damai. Malaysia turut menyeru supaya semua pihak menggunakan dialog sebagai mekanisme untuk

## **JAWAPAN:**

menamatkan kebuntuan serta mengelakkan pertumpahan darah. Justeru, adalah jelas terbukti bahawa Malaysia sentiasa komited dalam membela nasib umat Islam di seluruh dunia.

5. Malaysia juga turut menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB pada 16 Februari 2012 yang mempamerkan keprihatinan Malaysia terhadap keadaan di negara tersebut. Malaysia berharap Kerajaan Syria mengambil iktibar daripada resolusi UNGA yang mencerminkan kebimbangan dan harapan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, China dan Rusia berhak menggunakan kuasa veto mereka ke atas sebarang draf resolusi Majlis Keselamatan PBB termasuk ke atas resolusi pada 4 Februari 2012.

7. Dalam hal ini, Malaysia menyokong usaha mencari jalan penyelesaian secara damai demi kepentingan rakyat Syria dan untuk keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan melalui PBB dan pertubuhan kerjasama serantau seperti Liga Arab dan Majlis Kerjasama Teluk. Walau bagaimanapun, sebarang penyelesaian haruslah menghormati prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan dan integriti wilayah Syria, selaras dengan peruntukan Piagam PBB. Sehubungan ini Malaysia telah menyokong penubuhan satu Suruhanjaya Penyiasatan bagi menyiasat pencabulan hak asasi manusia melalui resolusi Majlis Hak Asasi Manusia pada 2 Disember



2011. Malaysia juga menolak sebarang campur tangan bersenjata di Syria.

8. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mempunyai dasar luar yang tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara. Dalam hal ini, Malaysia berharap agar konflik di Syria dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman dan demokratik. Malaysia juga sentiasa memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah-langkah yang wajar demi memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Syria.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia juga masih belum mempunyai rancangan untuk mengemukakan cadangan menerusi landasan OIC supaya satu pasukan pengaman dari kalangan tentera negara-negara anggota OIC dihantar bagi menghentikan keganasan terhadap orang awam di Syria. Ini bagi mengelakkan daripada campur tangan di dalam urusan dalaman negara tersebut serta membenarkan pelan-pelan yang disediakan oleh PBB dan Liga Arab dikuatkuasakan. Malaysia juga percaya dengan pelantikan Kofi Annan, bekas Setiausaha Agung PBB sebagai Utusan Khas PBB - Liga Arab ke Syria, dapat membantu menyelesaikan konflik di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**



NO. SOALAN : 25

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED

[PULAI]

TARIKH

28 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Kerajaan telah mewujudkan banyak agensi bertindih peranan seperti UDA, Syarikat Perumahan Negara dan PRIMA yang telah dipertanggungjawabkan untuk membina perumahan rakyat. Adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan peranan agensi bertindih tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Perbadanan PR1MA Malaysia merupakan suatu badan berkanun terasing yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen yang baru sahaja digazetkan pada Januari 2012.

Penubuhan PR1MA adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mengimbangi dasar bantuan kepada rakyat berpendapatan sederhana yang susah kerana kesempitan wang terutamanya di kawasan Bandar atau pinggir bandar. PR1MA dipertanggungjawabkan untuk menyediakan salah satu keperluan asas, iaitu perumahan, di mana golongan berpendapatan sederhana ini tidak mampu membeli rumah di pasaran bebas tetapi tidak layak untuk mendapat rumah bantuan kerajaan seperti rumah mampu milik, rumah mesrarakyat dan sebagainya. Fungsi PR1MA adalah berbeza dengan UDA yang telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Bandar 1971 [Akta 46] untuk tujuan komersil sementara Syarikat Perumahan Negara Berhad merupakan sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang bertanggungjawab menyediakan rumah kos sederhana rendah.

Setakat ini, kerajaan bercadang mengekalkan tugas dan fungsi iagensi, perbadanan dan syarikat yang membangunkan pelbagai jenis hartanah untuk golongan-golongan sasaran yang telah ditetapkan.

Sekian, terimakasih.

SOALAN NO: 26

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG]  
TARIKH : 28 MAC 2012 (RABU)  
SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan tentang kedudukan terkini projek NFC dan apakah penyelesaian terhadap skandal dalam NFC sehingga kini.

JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) adaiah projek penternakan lembu fidlot yang dijalankan di Gemas, Negeri Sembilan dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dalam negara manakala National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) adaiah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sebagai integrator projek di PFN.

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat menyentuh perkara yang masih dalam tindakan mahkamah (Kerajaan Malaysia lawan Datuk Mohamad Salleh bin Ismail no kes: 62-173-03-2012 dan 62-174-03-2012), ulasan tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menimbulkan subjudis terhadap siasatan.



## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang boleh membantu mengatasi atau melegakan masalah kesesakan lalu lintas.

Pelaksanaan “belok kiri jika tiada kenderaan” adalah salah satu pendekatan pengurusan trafik yang didapati boleh membantu melicinkan pergerakan lalu lintas. Namun, Kementerian Pengangkutan bersama-sama *stakeholders* yang lain seperti Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya sedang meneliti untuk menambah baik pelaksanaannya dari sudut keselamatan, teknikal dan perundangan. Ini adalah kerana bukan semua persimpangan sesuai dilaksanakan pendekatan tersebut malah perlu juga diambil kira reka bentuk persimpangan dan *volume* kenderaan. Di samping itu, penelitian perlu dibuat terhadap komposisi trafik di lokasi berkenaan sama ada terdapat *volume* tinggi bagi pejalan kaki serta bagi kenderaan berat dan panjang yang membuat belokan kiri di persimpangan tersebut.



NO. SOALAN : 28  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA

PERTANYAAN DARIPADA	LISA N	TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG ]
TARIKH	28	MAC
RUJUKAN SOALAN :	2012 4492	

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah orang India diberikan MyKad di bawah program MyDaftar sehingga Februari 2012. Tolong senaraikan penerima MyKad berdasarkan umur 18-30, 30-50 dan 50 -70. Berapakah MyKad akan diberikan sepanjang Mac hingga Disember 2012.





**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Klang kerana mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, secara keseluruhannya, sebanyak 9,529 permohonan merangkumi permohonan taraf kewarganegaraan, pindaan sijil lahir, daftar lewat kad pengenalan, dan daftar perkahwinan telah diterima di bawah Program Kempen MyDaftar kepada masyarakat India.

Daripada jumlah tersebut, permohonan Kad Pengenalan yang telah diterima hanya berjumlah **913** permohonan. **Sejumlah 656 permohonan telah diluluskan** manakala selebihnya ditolak kerana permohonan tersebut tidak lengkap. Buat masa ini, sebanyak 622 MyKad telah diserahkan kepada pemohon manakala baki sebanyak **34** MyKad akan diserahkan apabila pemohon hadir di Jabatan Pendaftaran Negara. Senarai penerima MyKad berdasarkan pecahan umur adalah seperti berikut:

<b>UMUR</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>18-30</b>	<b>317</b>
<b>31-50</b>	<b>224</b>
<b>51-70</b>	<b>81</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>622</b>

**SOALAN NO. 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :       JAWAB LISAN**

**DARIPADA            YB DATO' SRI ONG TEE KEAT (PANDAN)**

**TARIKH               28 MAC 2012 (RABU)**

**SOALAN**

YB Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah bilangan warganegara miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem eKasih dan bilangan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di kawasan Parlimen Pandan. Sila berikan perangkaan terperinci mengikut kaum. Tuan Yang Di Pertua,

Sistem eKasih telah dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan

## **JAWAPAN:**

(ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada tahun 2008 untuk mendaftar Ketua Isi Rumah (KIR) miskin dan miskin tegar di Malaysia. Pada masa ini, bagi kawasan Parlimen Pandan, tiada KIR didaftarkan di bawah kategori miskin tegar. Namun, terdapat seramai dua (2) KIR daripada kaum India didaftarkan di bawah kategori miskin manakala seramai 12 KIR kaum Melayu serta dua (2) KIR kaum Cina didaftarkan di bawah kategori mudah miskin iaitu pendapatan kurang dari RM1.500 sebulan.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi perkhidmatan dan bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan seperti orang kurang upaya, warga emas dan keluarga yang tidak berkemampuan agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Dalam hal ini, bilangan penerima bantuan kebajikan di kawasan Parlimen Pandan adalah seramai 865 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 389 orang (45%) terdiri daripada kaum Melayu, 346 orang (40%) kaum Cina dan 130 orang (15%) kaum India.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>	
<b>DARIPADA</b>	<b>YB. DR. TAN SENG GIAW [</b>	<b>SOALAN NO: 30</b>
	<b>KEPONG ]</b>	
<b>TARIKH RUJUKAN</b>	<b>RABU, 28 MAC 2012</b>	
<b>SOALAN</b>	<b>11 [PR-1251-L48435]</b>	

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah unit rumah yang telah, sedang dan akan dibina oleh Kerajaan di Kuala Lumpur dan bilangan yang hendak dijual kepada warga kota. Apakah masalah yang dihadapi.



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kerajaan **telah membina** sejumlah 57,996 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Unit- unit rumah ini meliputi kategori Skim Rumah Jual DBKL (13,850 unit) dan Program Penjualan Rumah PPR MTEN dan PA DBKL (44,146 unit).

Manakala rumah-rumah yang sedang **dalam perancangan untuk dibina** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di kawasan **Kampung Indian Settlement** dan **Kampung Wirajaya** yang melibatkan pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah.

Di samping itu, terdapat juga projek-projek perumahan yang dilaksanakan secara usaha sama (*joint-venture*) di antara pihak Kerajaan melalui DBKL dengan pemaju-pemaju swasta. Usaha sama DBKL dengan 26 pemaju perumahan tersebut melibatkan pembinaan sebanyak 54,702 unit rumah, iaitu 39,241 unit yang telah siap, 2,477 unit dalam pembinaan dan 12,984 unit dalam perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara masalah- masalah utama yang dihadapi oleh Kerajaan dalam program pembinaan rumah untuk rakyat ini adalah peruntukan kewangan yang terhad, pemindahan setinggan



di atas tapak yang dicadangkan dan keluasan tanah yang terhad dalam Bandar Raya Kuala Lumpur.

Namun begitu, Kerajaan tetap berusaha sebaik mungkin untuk menyediakan keperluan perumahan tersebut kepada warga kota Kuala Lumpur.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 28 MAC 2012 (RABU)**

**DARIPADA Y.B. TUAN LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

#### **SOALAN**

**Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGAM ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan inisiatif pengurangan kadar jenayah oleh Kementerian melalui

*Crime Prevention Through Environmental design (CPTED)* di negeri Johor khususnya di kawasan Simpang Renggam.

**SOALAN ( 31 )**



Tuan Yang DiPertua,  
**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Panduan Pelaksanaan *Crime Prevention Through Environment Design (CPTED)* disediakan untuk digunakan sebagai bahan rujukan semasa menyedia dan memproses sesuatu cadangan pemajuan telah dibentang dan dipersetujui dalam:-

i) Jemaah Menteri: 27 April 2011

ii) Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-64 : 23 Mei 2011

Panduan *CPTED* juga telah diterima pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Johor dalam memproses cadangan pemajuan melalui Unit Pusat Setempat (*One-Stop Centre*) selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bil. 3 Tahun 2011 bertarikh 28 Februari 2011 (berkuatkuasa 1 April 2011): Template Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semakan Terperinci Agensi Teknikal Luaran (Edisi Kedua).

Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) dan *Principal Submitting Person (PSP)* telah menerima pakai *CPTED* dalam skim perumahan yang berskala kecil (2-3 unit rumah).

Kementerian  
Perumahan Dan  
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**  
**Y.B. TUAN MOHD. NIZAR BIN ZAKARIA**

**PERTANYAAN**                      **Lisan**

**DARIPADA**            **PARIT**

**28.3.2012**

**KAWASAN**

**32**

**TARIKH NO.**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN MOHD. NIZAR BIN ZAKARIA** minta **MENTERI**  
**PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN**                      **INDUSTRI**  
menyatakan status terkini **Rundingan**                      **Perjanjian**  
**Perdagangan Bebas (FTA)** antara Malaysia dan Kesatuan  
Eropah dan negara lain seperti Australia dan Turki. Apakah  
bentuk-bentuk cabaran semasa rundingan tersebut  
diadakan dan implikasi yang bakal dihadapi berikutan dari  
pemeteraian FTA tersebut.



## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTAJ, dengan izin, antara Malaysia dan Kesatuan Eropah, Australia dan Turki masih berjalan. Setakat ini enam pusingan rundingan telah diadakan dengan Kesatuan Eropah dan kemajuan yang menggalakkan dicapai dalam semua bidang yang dirundingkan. Antara bidang yang dirundingkan dengan Kesatuan Eropah adaiah akses pasaran, perkhidmatan dan pelaburan, kastam dan fasilitasi perdagangan, ketelusan, perolehan kerajaan, hak harta intelek, dasar persaingan dan kelestarian pembangunan.

Rundingan FTA Malaysia dengan Australia telah memasuki peringkat akhir dan dijangka dapat dimuktamad dan ditandatangani sebelum pertengahan 2012. Seperti juga rundingan FTA Malaysia dengan Kesatuan Eropah, skop rundingan FTA Malaysia dengan Australia adaiah komprehensif dan meliputi perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan, pelaburan, hak harta intelek, dasar persaingan, buruh, alam sekitar, perdagangan elektronik, perundangan serta kerjasama ekonomi dan teknikal.

Bagi FTA Malaysia dengan Turki, rundingan telah hampir



selesai kecuali beberapa isu seperti peraturan tempasal atau *rules of origin*, dengan izin. Rundingan ini juga dijangka dapat dimuktamadkan pada tahun ini. Rundingan FTA dengan Turki merangkumi perdagangan barangan dan kerjasama ekonomi.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam merundingkan FTA, cabaran yang dihadapi Malaysia adalah untuk mendapatkan hasil yang seimbang, realistik dan *win-wiri*, dengan izin, bagi kedua-dua pihak. Di samping itu, hasil rundingan juga harus mengambilkira agenda pembangunan bukan saja dari segi ekonomi, tetapi aspek sosial dan faedah keseluruhan kepada negara dan rakyat. Walaupun dalam sesetengah FTA, skop rundingan turut meliputi isu-isu baru seperti perolehan kerajaan, hak harta intelek, dasar persaingan dan kelestarian pembangunan, Kerajaan akan merundingkan fleksibiliti yang sewajarnya untuk memastikan FTA turut menyumbang terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara.

Beberapa sektor industri mungkin akan mengalami persaingan akibat dari liberalisasi melalui FTA. Kerajaan akan memastikan bahawa liberalisasi ini dibuat dalam jangka masa yang sewajarnya bagi membolehkan industri-industri ini menyesuaikan dan menghadapi persaingan. Adalah

dijangka persaingan dari syarikat-syarikat yang lebih berdaya maju dari rakan FTA secara tidak langsung akan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk turut sama meningkatkan kapasiti mereka dalam menghasilkan produk-produk dan perkhidmatan yang lebih bermutu dan kompetitif di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang Di Pertua,

Dengan pemeeteraian FTA, ianya akan memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Bab khusus mengenai pelaburan dalam FTA akan meningkatkan ketelusan dan ramalan atau *predictability*, dengan izin, yang akan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur dalam membuat keputusan untuk melabur di negara ini. Pelabur-pelabur Malaysia di negara-negara lain juga akan menikmati faedah yang sama.

Selain itu, FTA turut mewujudkan peluang akses pasaran bagi pengeksport dan pembekal perkhidmatan Malaysia. Bagi barangan, akses kepada pasaran rakan FTA dapat dipertingkatkan melalui layanan keutamaan atau *preferential treatment*, dengan izin, yang dapat dinikmati oleh barangan eksport Malaysia berbanding eksport negara lain yang tidak mempunyai FTA dengan negara tersebut. Layanan utama menerusi FTA ini seterusnya dapat menarik pelabur asing

untuk menggunakan Malaysia sebagai platform untuk mengeluarkan dan mengeksport produk mereka ke negara-negara rakan FTA yang lain.

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Seperti dalam rundingan FTA yang lain, Kerajaan sentiasa memastikan kepentingan negara terpelihara melalui sesi konsultasi yang berterusan dan komprehensif dengan *stakeholders*, dengan izin, yang melibatkan Kementerian dan Agensi Kerajaan, pihak industri serta badan bukan Kerajaan.**

NO-SoALAM

: ~~NO-AttM~~;

48

-Ne-AtJP-r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]

**TARIKH** 28 MAC 2012

**RUJUKAN** 4490

**SOALAN :**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebarang langkah pencegahan atau langkah keselamatan yang diambil dalam menghadapi PRU 13 akan datang memandangkan telah wujud pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan cuba untuk mengancam keamanan negara baru-baru ini.  
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, PDRM sentiasa menjadikan soal keamanan dan ketenteraman awam sebagai asas kepada segala bentuk penugasan yang dijalankan termasuklah semasa tempoh kempen Pilihan Raya. Pihak polis akan mempertingkatkan tahap kawalan sepanjang tempoh Pilihan Raya dan berusaha memastikan keadaan keselamatan di seluruh negara terus terjamin. Langkah ini penting bagi membolehkan rakyat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan bebas dan selamat semasa Pilihan Raya kelak.

Bagi memastikan setiap perjalanan Pilihan Raya di Malaysia berjalan dengan lancar, PDRM telah melakukan persiapan dengan proaktif

## JAWAPAN

serta teliti terutamanya dari segi kesiap-siagaan dan keperluan logistik dalam menghadapi segala kemungkinan pada bila-bila masa. Untuk tujuan tersebut PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a. Mengaktifkan Jawatankuasa Pilihan Raya PDRM diperingkat Ibu Pejabat Bukit Aman, Kontinjen dan Daerah.
- b. Mengadakan latihan dan kursus berkaitan Pilihan Raya kepada pegawai dan anggota PDRM diperingkat Kontinjen dan Daerah.
- c. Mengurus dan menyelaras keperluan sumber manusia dan logistik
- d. Memantau perkembangan dan situasi keselamatan semasa dalam negara.

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [ SIPITANG ]**

**TARIKH : 28 MAC 2011**

**SOALAN**

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana hasil atau kejayaan pelaksanaan Pelan

Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dalam dua aspek utama, iaitu peningkatan kemasukan pelaburan asing langsung (FDI) dan juga kekuatan dari segi tahap daya saing kewangan Negara

## JAWAPAN

Pada tahun pertama ETP, kami telah melihat pelbagai pencapaian daripada hasil kerjasama pihak Kerajaan dan pihak swasta melalui program-program 12 NKEA di bawah payung ETP. Pencapaian tersebut terbukti samaada melalui pelaburan di dalam NKEA Minyak & Gas ataupun melalui program yang member kesan langsung kepada rakyat seperti program TUKAR di bawah NKEA Borong & Runcit.

Secara keseluruhannya, prestasi ETP bagi tahun 2011 amat menggalakkan dengan pencapaian **GNI** sebanyak **RM830 billion** berbanding dengan **sasaran RM797 billion**. **Pelaburan sektor swasta** juga berjaya mencapai **RM94 billion** berbanding dengan **sasaran RM83 billion**. Pihak kerajaan yakin bahawa sasaran tersebut boleh dicapai. Angka-angka tersebut berasal daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penunjuk makroekonomi menunjukkan bahawa keyakinan sektor swasta dalam ekonomi adaiah tinggi. Ini dapat dilihat dalam peningkatan pelaburan sektor swasta sebanyak 19.4 peratus dari 2010 kepada RM 94 billion pada tahun 2011. Terdapat juga peningkatan dalam FDI sebanyak 12.3 peratus kepada RM 32.9 billion pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya. Ini disokong oleh organisasi penyelidikan bebas antarabangsa, A.T. Kearney dalam penerbitan *FDI Confidence Index 2012* yang menyaksikan Malaysia meningkat ke nombor 10 pada

tahun 2012 di mana Malaysia naik dari nombor 20 pada tahun 2010.

Daya saing Malaysia juga telah melihat peningkatan melalui laporan tahunan oleh 'World Economic Forum' melalui laporan 'Global Competitiveness Report 2011'. Bagi tahun 2011, Malaysia telah dapat peningkatan kepada kedudukan 21 berbanding dengan tahun sebelumnya di mana Malaysia berada di kedudukan 26. Ini telah meletakkan Malaysia di tempat 21 daripada 142 negara lain. Malaysia juga menduduki tempat ke-6 di rantau Asia Pasifik dan akhirnya menduduki tempat ke-2 di rantau ASEAN.

Melalui ini, adaijah jelas bahawa Malaysia telah melihat peningkatan dalam FDI dan daya saing melalui pelaksanaan ETP yang berjaya.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA PE  
ANYAAN RT LISAN

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L  
PANCHANATHAN  
(HULU SELANGOR)

TARIKH 28.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [ HULU SELANGOR ]  
minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini berapa SRJK Tamil yang masih berada dalam kategori Bantuan Modal daripada tahun 2000 sehingga tahun 2010 berapa buah sekolah SRJK Tamil yang dinaik taraf kepada Bantuan Penuh dan apakah perancangan Kementerian untuk menukar lebih lagi SRJK Tamil daripada Bantuan Modal ke Bantuan Penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 1 Januari 2012 terdapat 523 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 370 adalah sekolah bantuan kerajaan (SBK), manakala sebanyak 153 buah merupakan sekolah kerajaan (SK). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data tahun 2000 sehingga 2012, terdapat peningkatan sebanyak 11 buah SJKT (SK).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak boleh mendesak pertukaran status sekolah kerana ianya bergantung kepada pilihan pihak sekolah sendiri. Dalam hal ini, KPM tidak menghalang mana-mana SJKT yang ingin bertukar status dari SBK kepada SK asalkan sekolah memohon untuk pertukaran tersebut dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai Sekolah Kerajaan.

Permohonan pertukaran status sekolah boleh dibuat oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) selepas mendapat persetujuan dari semua pihak yang berkepentingan ke atas sekolah berkenaan. Bagi sekolah yang berada di atas tanah hak milik Kerajaan Negeri (KPTG) atau milik persendirian, maka pihak pemohon iaitu pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan untuk menjadikan tanah berkenaan milik Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu sebelum membuat permohonan pertukaran status kepada sekolah kerajaan.

Semua kes pertukaran status sekolah perlu mendapat persetujuan Jawatankuasa Pelaksanaan Pembukaan, Penutupan, Perpindahan, Penukaran Status dan Penggredan Sekolah (JKPS) di peringkat JPN dan KPM serta mendapat kelulusan daripada YAB Menteri Pelajaran seperti yang termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan Pendidikan yang berkaitan.

Rjm 56

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN  
[ KENINGAU ]

TARIKH 28 MAC 2012

SOALAN

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]

minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah rizab terbukti minyak dan gas di perairan atau darat negeri Sabah dan apakah penglibatan syarikat-syarikat tempatan atau syarikat-syarikat milik Kerajaan negeri Sabah dalam eksplorasi dan pembangunan "*Marginal Field*" di negeri Sabah.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rizab terbukti minyak dan gas di perairan negeri Sabah pada 1 Januari 2012 adalah seperti berikut:

- rizab minyak mentah adalah sebanyak 1.8 bilion tong; dan
- rizab gas asli adalah sebanyak 13.3 trilion kaki padu.

Syarikat minyak antarabangsa yang mengambil bahagian di dalam pembangunan "*marginal field*" di bawah *Risk Service Contract* (RSC), dikehendaki bekerjasama dengan syarikat swasta tempatan yang mempunyai rekod prestasi yang baik, kedudukan kewangan yang kukuh, kepakaran teknikal dan kemahiran profesional. Ini adalah bertujuan untuk menggiatkan penyertaan syarikat tempatan secara langsung dalam kerja-kerja pembangunan dan pengeluaran petroleum. Syarikat minyak antarabangsa bebas untuk memilih mana-mana syarikat tempatan yang dianggap sesuai bagi mereka untuk bekerjasama dalam pembangunan "*marginal field*" di bawah RSC.

Bagi syarikat tempatan lain yang tidak terlibat secara langsung melalui pegangan ekuiti di dalam RSC, syarikat tempatan juga mempunyai peluang untuk memberi perkhidmatan mereka di dalam kerja-kerja sub- kontrak (2<sup>nd</sup> Tier) pembangunan "*marginal field*" seperti yang termaktub di dalam Akta

Pembangunan Petroleum dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974.  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' HAJI ISMAIL BIN

HAJI MOHAMED SAID

TARIKH 28 MAC 2012

SOALAN:

YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana nasib kira-kira 30,000 kakitangan awam secara kontrak untuk diserapkan secara terus di bawah semakan semula Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA).

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Ketua Jabatan dan pegawai penyelia kepada pegawai kontrak atau sementara sentiasa memberi galakan kepada mereka untuk memohon jawatan tetap kepada Suruhanjaya

Perkhidmatan bersesuaian dengan minat dan kelayakan akademik yang dimiliki. Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat secara kontrak atau sementara boleh dimanfaatkan terutamanya semasa melalui tapisan pengambilan tetap yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan. Selain itu, ada juga jabatan Kerajaan yang mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan syarikat swasta supaya pegawai kontrak diberi peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Walau apa pun galakan dan inisiatif oleh Kerajaan, langkah-langkah tersebut tidak meletakkan obligasi dan tanggungjawab di pihak Kerajaan untuk bertindak sebagai pihak pencari pekerjaan bagi pegawai kontrak atau sementara mahu pun menimbang untuk menyerap terus pegawai kontrak dan sementara tanpa perlu melalui tapisan pengambilan oleh Suruhanjaya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR  
[JERAJ]  
TARIKH 28 MAC 2012 (RABU)

Y.B. Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah pelaksanaan program Koridor Utara dan manfaatnya kepada rakyat di kawasan terbabit.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) masing-masing sebanyak 30 dan 26 projek telah dilaksanakan yang meliputi empat teras utama Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) iaitu pertanian, perkilangan, pelancongan dan modal insan.

Melalui pendekatan baru bermula Januari 2010, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah menunjukkan prestasi yang cemerlang selaras dengan agenda pembangunan ekonomi melalui kaedah “growth with social equity” yang terkandung didalam Pelan Induk pembangunan NCER. NCIA telah menjalinkan kerjasama yang erat dengan agensi-agensi kerajaan seperti MITI, MIDA, MATRADE, BiotechCorp dan MDeC bagi membantu mengenalpasti dan menetapkan inisiatif-inisiatif mengikut permintaan, keperluan dan strategi yang berkaitan dengan pembangunan Koridor Utara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, sepanjang tahun 2011, Koridor Utara telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM9.91 bilion, mengatasi jumlah yang dicatatkan bagi tahun lalu iaitu sebanyak RM6.08 bilion. Pada tahun 2011 juga, sebanyak 10,369 peluang pekerjaan baru berjaya diwujudkan di Koridor Utara.

Selain itu, NCIA juga melaksanakan inisiatif pembangunan ekonomi di luar bandar melalui penyertaan sektor swasta. Keberkesanan program Koridor Utara menjana penglibatan sektor swasta di kawasan

luar bandar telah menjana pelaburan sebanyak RM255.6 juta bagi tahun 2011, dimana lebih dari 2,000 peluang pekerjaan dan perniagaan telah dapat diwujudkan.

Sekian, terima kasih.

NO.

SOALAN:39 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
Y.B. DR HAJI DZULKEFLY AHMAD

TARIKH

28 MAC 2012

Y.B. Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah maklumat di sebalik program 'divestment' atau penjualan pelaburan untuk pemilikan individu Melayu-Bumiputera, yang dilakukan oleh Kerajaan ke atas syarikat-syarikat PNB dan Khazanah Nasional yang tidak 'core' dan cara untuk merealisasikannya serta contoh- contoh kejayaan yang telah pernah disaksikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Program 'divestment' untuk pemilikan individu Melayu Bumiputera adaiah selaras dengan peranan Kerajaan di dalam perniagaan sepertimana yang ditekankan didalam Model Ekonomi Baru. Program ini adaiah merupakan salah satu dari inisiatif dari dasar tersebut. Segala maklumat dan pengumuman berkenaan program ini akan diumumkan oleh Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) di dalam tempoh terdekat setelah segala kelulusan dan syarat-syarat pelupusan diperolehi oleh Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan dan badan-badan pengawasan. Diantara cara merealisasikan program ini termasuk memperkenalkan mekanisma yang telus dan terbuka untuk memilih pembida yang benar-benar berkelayakan sahaja untuk mengambalalih



syarikat-syarikat yang bakal dilupuskan.

## **Untuk Makluman :**

**\*\* No. Soalan 40 (YB Seremban) bertarikh 28 Mac 2012 dijawab bersekali dengan no. soalan 1 (YB Putatan) bertarikh 28 Mac 2012 dan no. soalan 3 (YB Parit) bertarikh 12 April 2012.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]  
TARIKH 28 MAC 2012  
SOALAN

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian akan menambah lagi insentif atau hadiah kepada penderma-penderma darah di negara ini supaya menggalakkan lebih ramai rakyat untuk menderma darah.

Tuan Yang di-Pertua

Semenjak tahun 2005, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberi insentif-insentif tertentu kepada para penderma darah di fasiliti kesihatan (hospital, institusi dan klinik kesihatan). Contohnya, untuk pendermaan darah melebihi 30 kali, insentif yang diberikan adalah rawatan percuma pesakit luar dan rawatan perubatan dan wad kelas satu untuk tempoh

tertentu.

**SOALAN NO : 41**

Sebagai tanda penghargaan, Kementerian Kesihatan Malaysia memberi beberapa keistimewaan dalam aspek kesihatan dan rawatan. Ini akan membantu mereka untuk menjaga kesihatan agar dapat terus menjadi penderma tetap yang dapat menderma secara berkala (*regular*).

Selain daripada keistimewaan untuk rawatan semasa kemasukan di wad, penderma berulang diberikan suntikan pelalian *Hepatitis B* secara percuma. Manakala, penderma apheresis akan menjalani ujian kesihatan setiap 6 bulan. Hadiah-hadiah kepada penderma, jika diberikan, adalah barangan kecil (sebagai *token* sahaja) seperti *key chain*, lencana, pelekat kereta dan sebagainya.

Langkah-langkah yang sedang diambil untuk menggalakkan lebih ramai rakyat untuk menderma darah adalah lebih menjurus kepada aktiviti untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menjadikan pendermaan darah sebagai satu budaya hidup, di mana, ahli masyarakat sedia bantu-membantu tanpa mengharapkan sebarang balasan. Berdasarkan prinsip ini, tiada insentif yang berbentuk imbuhan *material* yang dirancang untuk menggalakkan lebih ramai rakyat untuk menderma darah.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menyarankan agar semua negara mengamalkan kutipan darah dari penderma secara sukarela tanpa dibayar (*voluntary non-remunerated donation*). Ini adalah berdasarkan kepada fakta bahawa penderma sukarela adalah golongan yang lebih selamat dan dapat memastikan bekalan darah yang berkekalan (*sustainable*) dalam masa jangka panjang. Oleh itu, negara kita juga mengamalkan prinsip ini untuk pendermaan darah.

DARIPADA PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA  
Y.B DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

KAWASAN  
PERTANYAAN LISAN  
JASIN

TARIKH NO. 28.3.2012 (RABU)

SOALAN 42

**Y.B DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan **outcome prestasi SMECORP ke atas SME, khususnya SME Bumiputera berbanding SME bukan Bumiputera dan apakah prakarsa konkrit untuk memperbaiki landskap ini.**

Tuan Yang Dipertua,  
Berdasarkan program 1-InnoCERT oleh SME Corp. Malaysia yang mengukur tahap keupayaan inovasi oleh PKS, didapati bahawa PKS Bumiputera mampu mencatatkan pemarkahan tertinggi. Bagi tempoh 2010 dan 2011, daripada 96 syarikat yang telah dianugerahkan persijilan tersebut, sebanyak 41 syarikat Bumiputera atau 43% telah mencapai penilaian minima bertaraf A.

SME Corp turut memperkenalkan Anugerah Inovasi Kebangsaan yang terbahagi kepada 5 kategori di mana pemenang utama menerima hadiah wang tunai sebanyak RM1 juta. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2010, dua PKS Bumiputera iaitu IC Microsystem Sdn Bhd dan Proeight Sdn Bhd telah berjaya memenangi hadiah utama. Secara keseluruhan, 7 daripada 11 pemenang peringkat kategori merupakan PKS Bumiputera.

Selain daripada itu, melalui proses penilaian (dengan izin) *SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE)*, sebanyak 9 syarikat Bumiputera telah berjaya mencapai penarafan lima bintang. Ini merupakan satu pencapaian yang tertinggi sejak penilaian SCORE dimulakan pada tahun 2007.

Di peringkat negeri, SME Corp. bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program (dengan izin) *Bumiputera Enterprise Enhancement Programme (BEEP)*. Program bersepadu ini turut melibatkan penyertaan agensi pembangunan lain seperti SIRIM, MPC dan SME Bank di mana peserta diberikan bimbingan dan khidmat nasihat untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Sehingga 31 Januari 2012, sebanyak 489 projek telah diluluskan di bawah program BEEP yang melibatkan peruntukan sebanyak RM38.9 juta. Hasil daripada penyertaan dalam program ini, PKS tersebut telah

mencatatkan peningkatan penarafan bintang melalui penilaian SCORE.

Ekosistem yang menyokong serta pelaksanaan program khusus dapat membantu untuk mempercepat pertumbuhan PKS melalui peningkatan produktiviti dan penyertaan dalam aktiviti inovasi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah meluluskan Pelan Induk PKS (2012 - 2020) yang merangka serta menggariskan enam bidang tumpuan khusus bagi menyokong matlamat strategik seperti berikut:

- i. Menggalakkan inovasi dan penverapan teknologi di kalangan PKS;
- ii. Meningkatkan pembangunan modal insan dan keusahawanan di kalangan PKS;
- iii. Memastikan PKS yang lavak mendapat akses kepada pembiayaan untuk modal kerja dan pelaburan;
- iv. Mengembangkan pasaran untuk produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh PKS;
- v. Memastikan persekitaran perundangan dan kawal selia yang menggalakkan pembentukan dan pertumbuhan PKS, di samping melindungi kepentingan masyarakat umum; dan
- vi. Menambahbaik infrastruktur yang diperlukan oleh PKS untuk beroperasi dengan berkesan.





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]  
**TARIKH** 28 MAC 2012  
**RUJUKAN** 4493

**SOALAN :**

**Dato' Ibrahim bin AM [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemberian kerakyatan yang telah diluluskan untuk menjadi rakyat Malaysia dari tahun 2008 hingga Februari 2012 serta nyatakan pecahannya mengikut kaum dan daripada negara mana.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, jumlah permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang diluluskan dari tahun 2008 sehingga Februari 2012 adalah sebanyak 30,290. Statistik penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia mengikut kaum adalah seperti berikut:

**JAWAPAN:**

<b>BIL.</b>	<b>KAUM</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	MELAYU	2,549
2.	CINA	5,655
3.	INDIA	4,734
4.	LAIN-LAIN	17,352
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30,290</b>

Namun yang demikian, Kementerian tidak merekodkan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia mengikut negara asal.



PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH

LISAN  
DATO' ZULKIFLI BIN  
NOORDIN [ KULIM BANDAR  
BARU]  
28.03.2012 (RABU)

DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [ KULIM BANDAR BARU] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
menyatakan:

- a) Adakah Kementerian menyedari sukarnya produk Bumiputra dipasarkan di pasaraya dan hypermarket, dan jika ada pun terlalu diskriminatori seperti diletakkan di bahagian tersorok dan terpencil; dan
- b) Mengapa label DNA Khinzir diguna pakai sedangkan lebih mudah difahami oleh rakyat jika dilabel terus MENGANDUNGI BAHAN BABI dan dicatat TIDAK HALAL di luar produk tersebut.

JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

- a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa membantu usahawan-usahawan tempatan memasar dan mempromosi produk masing- masing dan seterusnya menjadi pembekal tetap di rangkaian

peruncitan

## NO. SOALAN : 46

tempatan dan asing di Malaysia. Penyenaiaan produk tertakluk kepada pematuhan piawaian yang telah ditetapkan oleh pasaraya dan *hypermarket* seperti pelabelan yang lengkap, pensijilan halal serta kualiti dan kuantiti pengeluaran yang konsisten.

Dalam merealisasikan matlamat ini, Kementerian mengadakan pelbagai program khas untuk tujuan memasarkan produk PKS. Antara program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah Program Suaian Perniagaan yang mempertemukan usahawan-usahawan tempatan dengan pihak *hypermarket*, pasaraya, kedai serbaguna, stesen minyak dan hotel. Melalui program ini, usahawan dan peruncit dipertemukan dalam usaha untuk menyenarai tetap produk masing-masing.

Kementerian juga menganjurkan program “Produk Malaysia, Citarasa Kita” dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan asing di Malaysia yang bertujuan memasarkan dan mempromosikan produk-produk mereka yang berpotensi tinggi untuk disenarai tetap.

Pada masa ini, 10.64% produk PKS Bumiputera telah Berjaya disenaraitetapkan di dalam rangkaian *Hypermarket* asing yang beroperasi di Malaysia. Bagi memastikan sasaran 30% produk PKS Bumiputera disenaraitetap, Kementerian melaksanakan beberapa usaha seperti kerjasama strategik bersama Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan dalam mengenalpasti produk baru, mengadakan pertemuan bersama PKS yang telah disenaraitetap di dalam *Hypermarket* bagi mendapat maklumbalas untuk program suaian perniagaan, Produk Malaysia Citarasa Kita dan *Business Matching* yang telah dilaksanakan serta perbincangan bersama *Hypermarket* setiap bulan bagi memantau perkembangan penyenaiaan produk.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian sentiasa memantau kedudukan produk-produk yang disenaraitetapkan di dalam *Hypermarket* bagi mengelakkan ianya diletakkan di tempat yang tersorok dan

terpencil. Berdasarkan pemantauan, produk-produk PKS ditempatkan bersama-sama produk berjenama yang lain di ruang/rak yang strategic dan mampu dilihat oleh pengunjung. Kerajaan juga telah menetapkan supaya semua pasaraya dan *hypermarket* asing mematuhi Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010 yang menetapkan 30 peratus produk yang dipasarkan terdiri daripada produk PKS Bumiputera. Dari semasa ke semasa peringatan diberikan supaya sasaran 30 peratus tersebut dicapai.

Tuan Yang Dipertua,

b) Peraturan-peraturan Makanan 1985 sememangnya menetapkan bahawa makanan yang mengandungi daging lembu atau daging babi atau terbitannya atau lemak babi perlu dinyatakan kehadiran bahan mentah berkenaan dalam bentuk “mengandungi” (nyatakan bahan mentah terbabit) pada bungkusan makanan tersebut. Sekiranya makanan itu mengandungi alkohol, undang-undang mewajibkan satu kenyataan tentang kehadirannya dalam bentuk “mengandungi alkohol” atau apa-apa bahan lain yang membawa maksud alkohol pada bungkusan makanan tersebut. Sekiranya makanan berkenaan mengandungi gelatin, maka adalah menjadi keperluan bagi pengeluar untuk meletakkan label dengan menyatakan sumber binatang bagi menghasilkan gelatin tersebut dengan kenyataan “mengandungi gelatin makanan daripada (nyatakan nama biasa daripada mana gelatin makan itu diperolehi).

Walau bagaimanapun perkataan TIDAK HALAL tidak dinyatakan kerana dengan adanya perkataan mengandungi “Bahan Babi”, maka adalah telah jelas bahawa produk tersebut haram atau tidak halal. Perkataan khinzir pula membawa maksud babi bagi perkataan dalam bahasa arab.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI **NO SOALAN :4T**  
(GOMBAK)

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 28.03.2012

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan pulangan untuk pelabur-pelabur saham di PNB sekiranya PNB di arah untuk melupuskan syarikat bukan teras tetapi memberikan pulangan yang tinggi dan apakah mekanisme untuk menjamin ketelusan dalam membuat penilaian harga aset sebelum dilupuskan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan sebagai syarikat pegangan pelaburan yang menjana pendapatan melalui aktiviti pelaburan termasuk jual beli saham syarikat serta dividen yang dibayar oleh syarikat-syarikat pelaburannya. Sebarang aktiviti jual beli saham adaiah berlandaskan pertimbangan pelaburan yang holistik bagi memastikan PNB dapat menjana pendapatan berpatutan bagi memberi pulangan yang kompetitif kepada pelabur-pelabur dana unitamanah di bawah pengurusannya. Inilah resipi kejayaan PNB selama ini sehingga dapat memberi pulangan sebanyak lebih RM90 bilion sepanjang lebih 30 tahun penubuhannya.

Oleh itu, bagi melaksanakan inisiatif pelupusan syarikat bukan teras, PNB sedang dalam proses mengenal pasti syarikat-syarikat berpotensi dalam portfolio pelaburannya yang sesuai untuk dilupuskan kepada usahawan-usahawan Bumiputera tanpa memberi kesan signifikan kepada kemampuan PNB untuk terus memberi pulangan yang kompetitif pada masa hadapan. Secara umumnya, syarikat-syarikat tersebut adalah syarikat-syarikat yang pada ketika ini tidak memberi pulangan yang material kepada portfolio pelaburan PNB secara keseluruhannya, namun berpotensi untuk berkembang maju apabila mendapat suntikan semangat keusahawanan yang sering kali dikaitkan dengan *risk appetite* yang lebih tinggi dan mampu membawa pendekatan baru yang kreatif dan inovatif.



Pelupusan syarikat di bawah inisiatif ini akan dilaksanakan dengan terancang dan berpandukan tadbir urus yang ketat, selaras prosedur/ garis panduan yang ditetapkan oleh badan-badan kawal selia pasaran seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat di mana keputusan muktamad berkenaan dengan setiap pelupusan tersebut akan dibuat oleh Lembaga Pengarah syarikat. Sebarang keputusan sudah tentu akan dibuat dengan mempertimbangkan kepentingan PNB serta pelabur-pelabur dana unit amanah di bawah pengurusannya. PNB sebagai syarikat pegangan pelaburan yang sentiasa menitikberatkan tanggungjawabnya kepada lebih 10 juta orang pemegang unit amanah di bawah pengurusannya semestinya sentiasa memantau semua pelaburannya dan akan hanya melupuskan pegangannya pada masa yang sesuai dan pada nilai aset yang selaras dengan nilai saksamanya (*fair value*) serta memberi impak yang positif kepada portfolio pelaburan PNB secara keseluruhannya.

Seraya dengan itu, PNB akan menjalankan proses penilaian aset yang teliti dan komprehensif ke atas syarikat-syarikat ini, selaras dengan *best practice* dan diterima pakai pasaran termasuklah metodologi penilaian yang bersesuaian seperti nisbah harga kepada nilai pendapatan (PE), nisbah perolehan sebelum faedah, percukaian, susut nilai dan pelunasan (EBITDA), aliran tunai terdiskaun (DCF), aset ketara bersih (NTA) serta kaedah-kaedah lain sebagaimana lazim diguna pakai dalam penilaian aset untuk pengambilalihan dan pelupusan aset korporat. Dalam pada itu, PNB juga akan mengambil langkah-langkah berhemat yang relevan bagi memastikan semua aspek proses pelupusan berjalan dengan lancar dan telus.



NO  
SOALA  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARIPADA**                    **Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR  
ALBAR  
(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN**                **LISAN**

**TARIKH**                      **28.03.2012**

**Y.B. DATO' SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR [ KOTA TINGGI ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

a) Berapa jumlah dan peratusan pemohon yang telah berjaya memiliki rumah sendiri di bawah program Rumah Mesra Rakyat dari mula ianya dilaksanakan dan pecahannya mengikut negeri; dan

b) Bagaimanakah usaha dan tindakan Kerajaan dalam membantu mengurangkan beban pembeli rumah kerana faktor harga rumah yang meningkat berikutan kenaikan kos binaan dan faedah, lebih-lebih lagi di kawasan dan persekitaran bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

a) Sehingga Januari 2012, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah menerima 44,640 permohonan dan telah meluluskan sebanyak 20,308

permohonan. Jumlah dan peratusan pemohon yang telah berjaya memilik Rumah Mesra Rakyat (RMR) sejak ianya dilaksanakan mengikut pecahan negeri ialah seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH PERMOHONAN YANG BERJAYA</b>		
	<b>PERMOHONAN LULUS DITERIMA</b>		<b>PERATUS BERJAYA (%)</b>
<b>TERENGGANU</b>	5,579	2,703	48.45 %
<b>KELANTAN</b>	6,126	3,024	49.36 %
<b>PAHANG</b>	4,197	1,284	30.59 %
<b>PERAK</b>	4,349	2,052	47.18 %
<b>P. PINANG</b>	542	155	28.60 %
<b>KEDAH</b>	4,778	2,452	51.32 %
<b>PERLIS</b>	1002	469	46.81 %
<b>SELANGOR</b>	2,747	1,038	37.79 %
<b>N. SEMBILAN</b>	4,192	1,957	46.68 %
<b>MELAKA</b>	1,958	1,079	55.11 %
<b>JOHOR</b>	5,456	2,515	46.10 %
<b>K. L/PUTRAJAYA</b>	29	12	41.38 %
<b>SABAH</b>	1,758	726	41.30 %
<b>SARAWAK</b>	1,721	779	45.26 %
<b>LABUAN</b>	205	63	30.73 %
<b>JUMLAH</b>	44,640	20,308	

b) Pasaran harga rumah di seluruh negara ditentukan oleh beberapa faktor antaranya adalah penawaran dan permintaan, lokasi, nilai harta tanah, kos upah pekerja dan kos bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya mengawal penjualan dan pemilikan bagi perumahan kos rendah sahaja bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat dan kemudahan.

Bagi kategori rumah kos lain, pada umumnya pihak pemaju akan melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu untuk mengenal pasti keperluan permintaan sebelum sesuatu projek perumahan dilaksanakan. Berasaskan kepada kedudukan pada masa ini, pembangunan perumahan banyak tertumpu di kawasan bandar seperti di Lembah Klang dan Pulau Pinang yang padat dengan penduduk di mana keupayaan pembeli adalah lebih tinggi dan pasaran perumahan adalah lebih meluas.

Bagi tujuan membendung kenaikan harga rumah yang agak keterlaluan, Kerajaan sentiasa mengawal spekulasi harga rumah melalui beberapa langkah tertentu. Antaranya termasuk pelaksanaan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah {*Real*

*Property Gains Tax*) pada tahun 2010. Selain itu, Bank Negara Malaysia telah mengenakan had nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*) maksimum sebanyak 70 peratus bagi pinjaman ketiga untuk mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran perumahan. Langkah-langkah ini akan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam sektor perumahan dan seterusnya menstabilkan harga rumah.

Langkah-langkah awal yang diambil oleh Kerajaan ini telah menunjukkan hasilnya. Berdasarkan Laporan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia, harga rumah telah berkurang sebanyak 1.5% daripada 8% pada suku keempat tahun 2010 kepada 6.5% pada suku pertama tahun 2011.

SOALAN NO.:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN BANDAR**

**KAWASAN**

**KUCHING 28 MAC 2012 (RABU)**

**TARIKH**

**SOALAN:**

**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apa sebabnya projek "Upgrading of Jalan Biawak, Kuching Division, Sarawak" masih terbengkalai.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek menaik taraf jalan Biawak di Lundu, Sarawak telah diluluskan oleh Kerajaan dengan harga kontrak sebanyak RM29.95 juta.

Skop projek ini ialah menaik taraf jalan gravel sedia ada sepanjang 18.3 kilometer kepada jalan aspal berturap. Projek berkenaan telah dimulakan pada 28 Ogos 2009 dan sepatutnya siap pada 20 Ogos 2011. Walau bagaimanapun, berikutan daripada kelemahan dan ketidakcekapan pihak kontraktor, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menamatkan kontrak projek berkenaan pada bulan Februari 2012 yang lalu. Sehingga kini kemajuan kerja fizikal di tapak semasa kontrak tersebut ditamatkan ialah 41% sahaja.

Sehubungan itu, JKR sedang dalam proses untuk melantik kontraktor yang baru menerusi proses tender yang dijangka akan dibuat pada bulan Mei 2012. Baki projek ini akan mengambil tempoh masa 18 bulan untuk disiapkan, bermula daripada tarikh kontraktor yang baru itu memasuki tapak.

Sekian, terima kasih.

## JAWAPAN

*WQ*.StfA LAKJ

: NOrAUP-\*

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA PUAN TEO NIE CHING  
[SERDANG]  
TARIKH 28 MAC 2012 4648  
RUJUKAN  
SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan OCPD dan ketua balai di seluruh negara dan berapa orang antaranya merupakan Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penempatan perjawatan untuk jawatan Ketua Polis Daerah dan jawatan Ketua Polis Balai adalah tidak ditentukan mengikut bangsa / kaum, tetapi adalah berdasarkan kepada pengalaman berkhidmat di dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM), keiulusan akademik, prestasi kerja dan kemahiran.

Buat masa kini, bilangan jawatan untuk Ketua Polis Daerah bagi seluruh negara adalah sejumlah seratus lima puluh dua (152) yang mengikut pecahan bangsa seperti berikut;

Bangsa	Bilangan (orang)
Melayu	135
Cina	7
India	4
Iban	3
Siam	1
Bajau	1
Mu rut	1





Manakala jumlah Ketua Polis Balai di seluruh negara adalah seramai tujuh ratus enam puluh tujuh orang (767) yang mengikut pecahan bangsa seperti berikut;

Bangsa	Bilangan (orang)
Melayu	628
India	42
Iban	23
Bidayuh	15
Cina	12
Kadazan	9
Punjabi	4
Murut	4
Melanau	4
Bajau	3
Dayak	1
Kelabit	1
Bisaya	1
Dusun	1
Lain - lain	19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

(MACHANG)

TARIKH

28 MAC 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional melupuskan kepentingan milik Kerajaan dalam rancangan penyenaian FELDA Global, apa kedudukan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) dan apa pula faedah kebaikan kepada peneroka-peneroka selepas penyenaian ini.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif bagi penglibatan Kerajaan di dalam perniagaan sektor swasta ini adalah bertujuan untuk mencari peluang untuk menambahbaik kecairan

pasaran modal dan mengelakkan keadaan anti-persaingan di dalam sektor swasta.

KPF telah dijemput untuk menyertai penyenaian ini sebagai pemegang saham tunggal terbesar di dalam FGVH.

Peneroka FELDA pada masa akan datang berpeluang untuk berkongsi hasil keuntungan ladang yang diuruskan oleh Felda Global Ventures Holdings (FGVH) samada secara langsung atau tidak langsung.

oooooooooooooooooooo

NO.SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[KUANTAN]

TARIKH 28 MAC 2012

SOALAN:

**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)** minta

**PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) mengapakah daftar pemilih induk pilihan raya tidak mengandungi alamat penuh pemilih seperti yang tertera di dalam kad pengenalan mereka; dan
  
- (b) mengapakah setiap kali pilihan raya kecil diadakan, SPR tidak menggunakan daftar pemilih terakhir yang telah diwartakan, sebaliknya menggunakan daftar pemilih mengikut tarikh pilihan raya kecil tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Daftar pemilih dibahagikan mengikut Bahagian Pilihan Raya Parlimen, Bahagian Pilihan Raya Negeri, Daerah Mengundi dan Lokaliti. Oleh yang demikian tiada keperluan untuk SPR meletakkan alamat penuh pemilih seperti yang tertera di dalam kad pengenalan dalam daftar pemilih kerana pemilih telah diletakkan secara berasingan mengikut lokaliti dan daerah mengundi dalam bahagian pilihan raya masing-masing.

(b) Peraturan - Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 menghendaki SPR menentukan Daftar Pemilih Induk dan Daftar Pemilih Tambahan yang terakhir diperakui sebelum pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau sesuatu kekosongan berlaku yang akan digunakan bagi suatu pilihan raya umum atau kecil. Oleh yang demikian bagi maksud mengadakan mana-mana pilihan raya umum atau kecil, hanya daftar pemilih induk dan tambahan yang terakhir diperakui sahaja akan ditentukan

**NO. SOALAN : 51**

sebagai daftar pemilih pilihan raya dan digunakan dalam pilihan raya tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI PAD A**

**TUAN TENG BOON SOON**

**TARIKH**

**28 MAC 2012 (RABU)**

**SOALAN**

**NO. 51**

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

menyatakan adakah Kerajaan mengkaji dan sedar tentang implikasi kesan pendidikan dan latihan yang berbeza antara universiti tempatan di bawah AUKU dan universiti luar negara yang tidak di bawah AUKU. Adakah graduan universiti luar negara menjadi pilihan majikan berbanding graduan tempatan kerana kesan AUKU.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) [Akta 30] digubal bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi menubuh, menyelenggara, dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam. Akta ini juga berperanan bagi memastikan universiti awam kekal sebagai tempat yang neutral dan kondusif untuk menimba ilmu. Pada 24 November 2011, Perdana Menteri telah mengumumkan untuk meminda Seksyen 15, AUKU yang akan membenarkan penuntut terlibat dalam parti politik. Kerajaan percaya terhadap kematangan dan



kebijaksanaan mahasiswa dan mahasiswi di negara ini. Ia sejajar dengan semangat pembaharuan undang-undang negara supaya selaras dengan kehendak semasa. Ini akan mengukuhkan lagi usaha kerajaan untuk memastikan negara sentiasa terkehadapan dan dalam masa yang sama akan mengimbangi tanggungjawab dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara dengan tuntutan kebebasan individu.

Untuk makluman, pelajar yang mengikuti pengajian di universiti luar negara juga sebenarnya turut terikat dengan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh sesebuah negara. Mereka tidak boleh bertindak sesuka hati dengan menggunakan hak kebebasan sebagai alasan.

Pada masa ini, graduan yang dihasilkan oleh IPT tempatan adalah berkualiti dan *marketable*. Menurut hasil Kajian Pengesanan Graduan (Tracer Study) Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2011, sebanyak 75.9% graduan telah bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Ini merupakan peningkatan sebanyak 2.6% berbanding dengan pencapaian pada tahun 2009 iaitu 73.3%, sekaligus mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian iaitu 75%.

**Font : Verdana (16)**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SIRINGAN BIN GUBAT  
( RANAU)**

**TARIKH : 28.3.2012 (RABU)**

**SOALAN : 5a**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan tentang masalah keciciran dalam skop kerja bekalan air dan elektrik luar bandar yang sedang dilaksanakan. Beberapa buah kampung dan juga rumah-rumah yang terkeluar dalam senarai skop kerja syarikat-syarikat yang melaksanakannya. Apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah keciciran tersebut supaya mereka yang terlibat juga turut sama dapat bekalan elektrik dan bekalan air dalam masa yang ditetapkan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai kampung untuk pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) yang terlibat dan telah ditentukan keutamaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kampung atau rumah yang tertinggal, Yang Berhormat boleh memaklumkan kepada Kementerian untuk dibuat siasatan lanjut untuk diselaraskan di bawah senarai projek BALB dan BELB RMKe 10 bagi pelaksanaan yang akan datang.

**NO SOALAN :57**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.03.2012**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah ton dan nilai rizab emas yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia dan rancangan Kerajaan untuk meningkatkan rizab emas.

**DRAF JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras rizab antarabangsa negara sejak tahun 2001 sehingga kini semakin meningkat. Kedudukan rizab pada 15 Mac 2012 semakin kukuh iaitu sebanyak RM427 bilion atau USD134.8 bilion. Paras rizab ini, mampu membiayai 9.7 bulan import tertanggung dan 4.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Rizab antarabangsa ini dipegang dalam bentuk pelaburan sekuriti dalam mata wang asing serta pegangan emas. Pada masa ini, jumlah pegangan emas adalah bernilai RM5.8 bilion bersamaan USD1.8 bilion dan berjumlah 1.167 juta auns yang dilaburkan atau dipegang secara pasif. Jumlah ini merangkumi 1.4 peratus daripada keseluruhan rizab antarabangsa. Perkembangan pasaran emas akan terus dipantau namun buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk meningkatkan pegangan emas daripada jumlah ini.

<b>USD jilili</b>	<b>2001</b>	<b>2002</b>	<b>2003</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
<b>Emas</b>	294.7	295.2	294.5	294.5	294.5	293.5	293.5	379.0	1,280.9	1,641.2	1,837.5
<b>Rizab</b>	29,896	33,738	44,207	66,241	70,212	82,457	101,345	91,356	96,695	106,525	133,641
<b>% share</b>	1.0%	0.9%	0.7%	0.4%	0.4%	0.4%	0.3%	0.4%	1.3%	1.5%	1.4%

### **Kedudukan Rizab Antarabangsa dan Pegangan Emas (2001-2011)**

\* Sumber: Bank Negara Malaysia

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan rizab antarabangsa terus kukuh di samping memastikan negara mencatat lebihan dalam

akaun semasa imbangan pembayaran, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan pertumbuhan pelaburan swasta. Ini termasuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah mengenal pasti 12 bidang NKEA dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang bertujuan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan serta mewujudkan suasana mesra perniagaan.

4. Dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 4 hingga 5 peratus pada tahun ini, aktiviti ekonomi domestik dijangka terus cergas dan seterusnya dapat menarik pelaburan luar. Dengan perkembangan positif ini, Kerajaan yakin kedudukan rizab antarabangsa negara akan terus kukuh pada masa hadapan.

NO. SO ALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]  
TARIKH 28 MAC 2012  
SOALAN

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

(a) adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menaik taraf atau membina poliklinik baru di pekan Gelang Patah memandangkan penduduk semakin bertambah; dan

(b) apakah langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah kekurangan Doktor Pakar di Hospital Awam.

**Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari keperluan bagi

menambah fasiliti kesihatan di kawasan Parlimen Gelang Patah kerana pertambahan kepadatan penduduk serta kedudukannya di dalam kawasan pembangunan Iskandar Malaysia yang menjadi tumpuan pelabur dari dalam dan luar negara.

Kementerian Kesihatan bercadang untuk membina sebuah Klinik Kesihatan di Taman Bukit Indah di atas tapak seluas 2.5 ekar melalui RMKe-10 (*Rolling Plan* Ketiga).

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, kawasan Parlimen Gelang Patah mengandungi 2 kawasan DUN iaitu DUN Nusajaya dan DUN Skudai. Bagi DUN Nusajaya terdapat 2 Klinik Kesihatan, 6 Klinik Desa, dan 1 Klinik 1 Malaysia; sementara di DUN Skudai terdapat 1 Klinik Kesihatan dan 1 Klinik Desa. Selain fasiliti kesihatan milik Kerajaan, terdapat juga 50 buah klinik swasta di kawasan Gelang Patah dan sekitarnya.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga kini terdapat seramai 3,119 orang Pegawai Perubatan Pakar sedang berkhidmat di KKM dengan 79.81% pengisian berbanding jumlah perjawatan. Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah Pegawai Perubatan Pakar, KKM telah menambah jumlah tajaan biasiswa daripada 600 tempat kepada 800 tempat setahun mulai tahun 2011 bagi melatih Pegawai Perubatan KKM untuk menjadi Pegawai Perubatan Pakar. Sehingga kini terdapat seramai 2,644 orang Pegawai Perubatan KKM yang sedang mengikuti kursus kepakaran dan sub kepakaran di dalam dan luar negara. Pegawai Perubatan tersebut akan kembali berkhidmat sebagai Pegawai

Perubatan Pakar secara berperingkat setelah menamatkan pengajian masing-masing.

Di samping itu, sebagai langkah jangka pendek, KKM juga telah melantik secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar di kalangan warganegara yang telah bersara dan Pegawai Perubatan Pakar bukan warganegara untuk berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM.

Selain dari itu, bagi menggalakkan pakar berkhidmat di kawasan pedalaman, Jemaah Menteri pada 14 September 2011 telah menetapkan tempoh minima penempatan pakar perubatan ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah 6 bulan sahaja. Dengan ini lebih ramai pakar dapat ditempatkan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

**NO SOALAN : 55**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

**LISAN**

DARIPADA

**TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA**

**(PADANG TERAP)**

TARIKH

**28 MAC 2012**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Dasar Belia FELDA dapat diperkenalkan sebagai satu proses transformasi daripada

peneroka kepada generasi kedua FELDA memandangkan begitu ramai peneroka yang telah meninggal dunia.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Takrifan belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995) adalah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Pada masa ini belia di rancangan FELDA adalah dianggarkan berjumlah 600,000 orang. Pelbagai usaha dan perancangan telah dilakukan bagi menggalakkan generasi baru FELDA untuk turut sama memberi sumbangan kepada kemajuan masyarakat rancangan. Generasi baru peneroka yang berjaya di dalam pelbagai bidang profesional adalah usaha dan komitmen FELDA yang berterusan dalam meningkatkan taraf pendidikan generasi baru. Di antara kemudahan yang disediakan oleh FELDA sehingga kini ialah Asrama Semai Bakti FELDA, Latihan Kemahiran Berprofil Tinggi, Hadiah Pelajar Cemerlang, Maktab Rendah Sains MARA FELDA dan sebagainya.

Asrama Semai Bakti FELDA ditubuhkan pada tahun 1975 dengan tujuan memberi peluang pendidikan kepada anak-anak peneroka dan kakitangan FELDA secara percuma bagi mendapat pendidikan di sekolah-sekolah berprestasi terbaik di bandar-bandar utama disamping memberi pendedahan melalui pergaulan dan percampuran dengan pelajar-pelajar di sana. Penempatan pelajar di ASB diharap dapat



melahirkan ramai pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik bahkan dalam pembangunan minda, disiplin dan membina keyakinan diri.

Sehingga kini sebanyak tiga (3) buah asrama beroperasi iaitu Asrama Semai Bakti Kuala Lumpur (ASBKL), Asrama Semai Bakti Johor Bahru (ASBJB) dan Asrama Sri Semai Bakti Kuantan (ASSBK). Pada tahun 2012 seramai 535 orang pelajar ditempatkan di Asrama Semai Bakti FELDA dengan pecahan 166 pelajar di ASBKL, 162 pelajar di ASBJB dan 207 pelajar di ASSBK yang terdiri dari anak peneroka dan kakitangan. Semua kos perbelanjaan pelajar ditanggung oleh FELDA meliputi kos penginapan, pembelajaran termasuklah kos tuisyen, kegiatan kokurikulum, pengangkutan dan sebagainya. Seramai 12,516 orang pelajar telah dilahirkan dari Asrama Semai Bakti FELDA sejak ditubuhkan pada tahun 1975 sehingga 2012.

Maktab Rendah Sains *MARA* FELDA (MRSMF) diwujudkan pada tahun 2007 dengan kerjasama *MARA* bertujuan meningkatkan taraf pendidikan generasi pelajar FELDA. Sebuah bangunan dibina di Trolak dengan kos RM123 juta. Matlamat jangka panjang FELDA adalah melahirkan generasi yang cerdas pandai dan mampu melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi. Penubuhan MRSMF adalah komitmen FELDA dalam memartabatkan generasi baru FELDA dalam bidang pendidikan dan menyediakan kemudahan kondusif kepada pelajar. Pada tahun 2012, seramai 909 pelajar telah ditempatkan di MRSMF.

Sejak tahun 2005 FELDA menyediakan peruntukan berjumlah RM50 juta

setahun untuk melatih generasi baru dalam pelbagai bidang kemahiran. Latihan ini bertujuan melatih Generasi Baru dengan sasaran pengambilan 4,000 orang setiap tahun. Melalui Latihan Kemahiran Generasi Baru Peneroka mendapat peluang pekerjaan yang sesuai selepas menamatkan latihan. Pelbagai bidang latihan kemahiran yang berdaya maju disediakan mengikut keperluan semasa. Pada masa ini, tumpuan diberikan dalam bidang latihan kemahiran profesional dan berprofil tinggi yang mempunyai pasaran kerja yang terbuka. Pelajar ditawarkan pengajian di peringkat sijil kemahiran di kolej-kolej FELDA dan kolej luar seperti di Kolej KINI, Institut Teknologi Utama (ITU) Pusat Giat Mara, Institut Kemahiran Negara (IKN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan lain-lain. Selain itu kursus diperingkat diploma turut ditawarkan di Universiti Limkokwing dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) serta kursus di bawah seliaan Malaysian Airlines System (MAS) iaitu *Trainee Aircraft Maintenance Engineer (TAME)* dan *Trainee Junior Technician (TJT)*. Sehingga kini, seramai 37,983 generasi baru telah dilatih dalam pelbagai latihan.

Bagi pelajar cemerlang, FELDA menawarkan dana khas pelajar cemerlang yang mula diwujudkan sejak tahun 2005. Program ini menawarkan pelajar cemerlang mengikuti pengajian ke universiti-universiti terpilih di luar Negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Ireland, Australia, India dan Czech Republik bagi mengikuti kursus profesional seperti perubatan, kejuruteraan, bioteknologi, perakaunan dan sebagainya. Pada masa ini FELDA telahpun menghantar seramai 82 orang pelajar mengikuti pengajian ke luar negara. Daripada jumlah itu, seramai 11 orang pelajar yang telah menamatkan pengajian. Melalui

program ini, FELDA dapat menyediakan golongan profesional di kalangan generasi baru FELDA, di samping menyediakan barisan pelapis dalam organisasi FELDA.

Bagi membolehkan generasi FELDA terlibat dalam bidang keusahawanan, FELDA menyediakan kemudahan pinjaman melalui Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) dengan tujuan membantu generasi FELDA dalam pelbagai bidang keusahawanan seperti ternakan, tanaman, perusahaan, akuakultur, perniagaan dan kraf. Pada masa kini FELDA mempunyai seramai 36,175 pengusaha yang terdiri daripada peneroka, penerokawati, belia dan beliawanis. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,342 pengusaha atau 9.2 peratus (%) daripadanya merupakan daripada kalangan generasi kedua peneroka. FELDA telah menyediakan program Tunas Mekar yang diadakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kursus ini diwujudkan bagi melahirkan pengusaha-pengusaha baru yang terdiri daripada graduan anak-anak peneroka. Di samping itu, kursus ini dapat memberi peluang kepada generasi baru khususnya membuka peluang pekerjaan dalam bidang perniagaan yang akhirnya melahirkan usahawan dari kalangan warga FELDA. Pada tahun 2011, seramai 21 orang telah terpilih menyertai program ini dan sejak dilaksanakan pada tahun 2005, program Tunas Mekar telah berjaya melatih seramai 121 orang graduan menjadi usahawan di tanah rancangan.

Projek Perumahan Warga FELDA (PWF) dilaksanakan sebagai usaha membantu generasi peneroka memiliki rumah dengan sempurna. Rumah yang dibina ini berdasarkan konsep mampu milik yang boleh dimiliki oleh

generasi baru dengan harga yang ditetapkan di antara RM35.000 hingga RM65.000 seunit.

Pada masa ini FELDA telah pun siap membina PWF di lima (5) buah lokasi iaitu di Taman Mempaga Utama, Taman Bukit Goh, Taman Lepar Hilir Saujana dan Taman Desa Keratong, Pahang dan Taman Pasak Indah, Johor. Kesemua projek yang disiapkan ini mengandungi 2,090 unit rumah dan telah pun diduduki oleh generasi baru. Lima (5) lagi projek masih dalam pembinaan iaitu di Triang 3, Jengka 19, Chini 3 di Pahang, Neram 1 Terengganu, Chuping Perlis dan Chiku 5 Kelantan yang melibatkan pembinaan sebanyak 1,724 unit rumah.

Pada tahun 2012, FELDA bercadang membina lebih banyak rumah untuk generasi baru. Perancangan ini meliputi 11 buah wilayah dan pembinaan ini dijangka melibatkan bilangan rumah yang lebih banyak. Kerajaan dijangka akan membuat keputusan mengenai pembinaan rumah untuk generasi baru sedikit masa lagi.

Kalangan profesional turut dilibatkan dalam program bersama pengurusan FELDA terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan generasi baru. Sehingga ini, beberapa pertubuhan yang mewakili generasi baru turut memainkan peranan aktif bersama FELDA seperti Persatuan ALUMNI, Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) dan Pemuafakatan Siswa/i FELDA (PERSADA). Sebuah jawatankuasa diwujudkan yang dinamakan Jawatankuasa Permuafakatan Generasi Baru yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan aktiviti pembangunan rancangan. Di antara aktiviti yang dijalankan ialah program

motivasi pelajar FELDA, kelas tuisyen, pelbagai kursus untuk generasi baru seperti keusahawanan, kepimpinan, pengurusan dan sebagainya. Peranan yang dimainkan oleh pertubuhan profesional di kalangan generasi baru ini telah dapat menggerakkan program pembangunan di tanah rancangan dan membantu FELDA meningkatkan taraf hidup masyarakat rancangan.

Keseluruhan bajet bagi program pendidikan dan pembangunan generasi baru FELDA bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM62 juta. Justeru itu, pelbagai langkah telah dimainkan Kerajaan dalam memastikan generasi FELDA mendapat pendidikan tertinggi dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan FELDA.

oooooooooooooooo

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA  
BELAS \_\_\_\_\_ (2012) \_\_\_\_\_**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI  
AZIZ [SRI GADING]

TARIKH 28 MAC 2012 [RABU]

SOALAN :

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah barangan kulit, tulang dan bulu akan diwajibkan mendapat pensijilan halal bagi kegunaan dan panduan masyarakat Islam serta pengguna secara keseluruhan

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar kerajaan menetapkan bahawa pensijilan halal bukanlah perkara yang diwajibkan tetapi lebih bersifat sukarela. Terpulang kepada pihak industri untuk mendapatkan pensijilan halal atau tidak tetapi setiap industri yang telah dan ingin mendapat pensijilan halal wajib mematuhi dan memenuhi keperluan piawaian pensijilan halal yang telah ditetapkan oleh JAKIM.

Bagi barangan kulit, tulang dan bulu, satu standard telah dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia berdasarkan Garis Panduan Penggunaan Barangan Kulit, Tulang dan Bulu yang dikeluarkan oleh JAKIM iaitu **MS 2200 Part II : 2011** sebagai panduan kepada industri. Dengan terbitnya standard tersebut, JAKIM akan mula mengeluarkan pensijilan halal untuk produk barangan, kulit, tulang dan bulu yang dijangkakan akan dimulakan pada Jun 2012.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.57**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR  
[ KETEREH ]**

**TARIKH 28 MAC 2012**

**SOALAN:**

**TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan badan pemerhati pilihan raya yang dibenarkan dan diiktiraf oleh Kerajaan sejak Pilihan Raya Umum 1959. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh mana-mana badan

pemerhati Pilihan Raya Umum ke-13 nanti.



## SOALAN NO.57

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya Malaysian for Free and Fair Elections (MAFREL) yang pernah diberi akreditasi pada 2007 oleh SPR untuk melakukan pemerhatian proses pilihan raya. Pun begitu, kebenaran untuk melakukan pemerhatian masih tertakluk kepada permohonan setiap kali menjelang pilihan raya, sama ada pilihan raya kecil mahu pun pilihan raya umum. Bagaimanapun, akreditasi kepada MAFREL telah ditamatkan pada 2011 ekoran kegagalannya mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh SPR agar memastikan semua anggota yang bernaung di bawahnya bersikap berkecuali dalam menjalankan fungsinya.

Walau bagaimanapun, ketiadaan MAFREL masih berupaya menjamin ketelusan proses pilihan raya memandangkan ejen-ejen calon, sama ada calon bebas atau calon parti, masih dibenarkan hadir untuk memerhati proses tersebut.

**SOALAN NO.57**

Mengenai syarat-syarat menjadi pemerhati PRU-13, buat masa ini

SPR belum menentukannya kerana masih mengkaji keperluan untuk mengundang mana-mana organisasi termasuk daripada luar negara untuk menjadi pemerhati proses pilihan raya di negara ini.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA                      Tuan Tony Pua Kiam Wee  
   [Petaling Jaya Utara]

TARIKH                              28 Mac 2012 (Rabu)

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee <sup>58</sup> [Petaling Jaya Utara] minta  
KEMENTERIAN                      PENGANGKUTAN menyatakan:

- (a) kedudukan Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) termasuk keluasan yang telah disewa, kadar sewaan kaki persegi dan jumlah sewa yang dikutip; dan
- (b) sama ada PKFZ dapat mencapai sewaan dan pendapatan mengikut pelan perniagaan dan pengaliran tunai yang diberi kepada syarikat audit PricewaterhouseCoopers.

## JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sejak memulakan operasi pada Mei 2007, sebanyak 358 unit industri ringan, 33,353 kaki persegi ruang bangunan pejabat dan 147 ekar kawasan tanah terbuka telah disewa atau dipajak kepada pelabur-pelabur di Port Klang Free Zone (PKFZ) sehingga Disember 2011.

Purata kadar sewaan kaki persegi setahun yang dikenakan adalah RM14.40 bagi unit industri ringan, RM22.80 bagi ruang bangunan pejabat dan RM1.80 bagi kawasan tanah terbuka. Jumlah sewaan yang telah dikutip adalah RM73.259 juta.

Setakat ini, hanya unit industri ringan telah melepasi sasaran yang diunjurkan dalam pelan perniagaan sepertimana yang terdapat dalam laporan PricewaterhouseCoopers iaitu 70% berbanding 47% yang disasarkan.

**NO. SOALAN:**

**59 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 28 MAC 2011**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan bahawa Entry Point Programe (EPPs), yang dicadangkan oleh sektor swasta menerusi makmal-makmal PEMANDU, tidak hanya memberikan faedah kepada beberapa syarikat yang terpilih tetapi juga memanfaatkan kebanyakan rakyat Malaysia, khususnya mereka yang berada di aras 40 peratus terendah yang berpendapatan kurang daripada RM1500 sebulan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Setiap EPP yang telah dibincangkan dalam Makmal NKEA dipilih dengan rapi berdasarkan dua kriteria utama iaitu (1) Kesan projek kepada GNI Negara; dan (2) Menjana perkerjaan berpendapatan tinggi. Melalui pelaksanaan ETP, Kerajaan telah meramalkan peralihan daripada pekerjaan yang berpendapatan rendah kepada pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Terdapat beberapa EPP utama yang disasarkan khas untuk memberi manfaat kepada rakyat Malaysia. Satu contoh ialah program TUKAR

yang bertujuan untuk mentransformasikan kedai-kedai runcit tradisional dengan memperkenalkan teknik runcit moden untuk meningkatkan kemampuan untuk bersaing dalam ekonomi terbuka. Pada tahun 2011, sebanyak 519 kedai telah berjaya diubah melalui program TUKAR dengan peningkatan dalam hasil pendapatan sebanyak 30 hingga 80 peratus.

Satu lagi contoh di bawah NKEA Minyak Sawit & Getah adalah usaha untuk membantu pekebun kecil dalam penanaman semula kelapa sawit yang matang dengan kelapa sawit baru yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak. Usaha-usaha ini juga termasuk penggabungan tanah menjadi koperasi dan perkongsian amalan terbaik dan industri minyak kelapa sawit.

NO SOALAN :

60 PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' RASHID BIN DIN  
(MERBOK)

TARIKH 28.03.2012  
(RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapakah pihak Kerajaan tidak meletakkan latihan PLKN di bawah kem tentera yang sedia ada dengan kemudahan yang sedia ada. Tidakkah kaedah ini dapat mengurangkan perbelanjaan

program dan menjadi lebih berkesan.  
**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Syor untuk menjalankan latihan PLKN di kem tentera pernah dikaji pada tahun 2003 iaitu di peringkat awal perancangan program berkenaan.**

**Hasil kajian pada ketika itu menunjukkan bahawa Kem/Pusat Latihan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada masa tersebut hanya boleh menempatkan 8,100 orang berbanding lebih kurang 400,000 orang pelatih yang perlu dilatih. Ini dikhuatiri akan menimbulkan masalah kekurangan tempat tinggal yang serius.**

**Kem/pusat latihan tentera tersebut juga digunakan sepanjang tahun mengikut jadual mereka masing-masing bagi tujuan latihan kerjaya dan pengambilan rekrut. Jika**



**pengambilan rekrut ditangguhkan bagi memberi laluan kepada PLKN, akan timbul masalah 'turn-over' anggota tentera bagi menampung anggota-anggota yang bersara atau berhenti. Di samping itu, ianya juga dikhuatiri akan menjejaskan kesiagaan pertahanan negara.**

**Di atas kekangan tersebut, maka mesyuarat selanjutnya telah bersetuju agar tempat latihan khas dibina bagi menempatkan para peserta PLKN. Bagi memudahkan pelaksanaan program juga, penyediaan sajian turut diputuskan untuk disediakan oleh penyedia pusat latihan PLKN.**



~~NO AUM : 69~~

~~NO AUP : →~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [  
BAGAN SERAI ]**

**PERTANYAAN : 28 MAC 2012**

**DARIPADA 4494**

**TARIKH SOALAN :**

**RUJUKAN**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah berkesannya Akta 39B  
dalam membendung kegiatan dadah.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, statistik pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi tangkapan pengedar dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dari tahun 2009 hingga tahun 2011 dilihat menunjukkan peningkatan. Seramai 2,955 orang telah ditangkap di bawah seksyen tersebut pada tahun 2009 manakala 3,700 orang pula ditangkap pada tahun 2010. Pada tahun 2011 pula, seramai 3,845 orang telah ditangkap di bawah seksyen yang sama. Walau bagaimanapun, peningkatan jumlah tangkapan tersebut bukanlah bermaksud Akta 39B ini tidak berkesan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan peningkatan ini berlaku, antaranya adalah seperti berikut:-

- i. Keuntungan yang cepat dan lumayan hasil daripada aktiviti pengedaran dadah;
- ii. Proses globalisasi yang mewujudkan dunia tanpa sempadan dan membuka ruang kepada aktiviti pengedaran dadah;
- iii. Dadah sintetik lebih mudah diproses pada masa kini disebabkan formula dan *precursor* (bahan kimia untuk memproses dadah) yang mudah diperolehi; dan
- iv. Sistem perhubungan darat, udara dan air negara yang maju memudahkan perhubungan dengan negara luar.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
(IPOH BARAT)

TARIKH 28 MAC 2012

SOALAN

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

(a) berapakah jumlah wang yang dibayar kepada Muhammad Shafee dan peguam-peguam daripada MACC untuk kes seperti Teoh Beng Hock. (Sila senaraikan nama-nama peguam dan amaun yang dibayar); dan

(b) mengapakah MACC tidak memberikan tanggungjawab kepada DPP untuk mengendalikan kes. Adakah penglibatan Shafee menimbulkan konflik kepentingan.

**DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**JAWAPAN:**           **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya melantik seorang peguam semasa Suruhanjaya Siasatan DiRaja Kematian Teoh Beng Hock , iaitu Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah dengan dibantu oleh Encik Masri bin Daud dan Encik Mohammed Heikal bin Ismail bagi pihak SPRM. Perlantikan Datuk Seri Shafee dibuat atas kesediaan beliau menawarkan perkhidmatan dan pengalamannya yang luas dalam mengendalikan kes-kes jenayah. Walaupun beliau telah memberikan perkhidmatannya secara profesional, namun beliau tidak mengemukakan sebarang bil kepada SPRM untuk mengendalikan kes ini.

b) Perlantikan Datuk Seri Muhammad Shafee bin Abdullah sebagai peguam pemerhati bagi pihak SPRM semasa Suruhanjaya Siasatan DiRaja Kematian Teoh Beng Hock dibuat berdasarkan peruntukan seksyen 18 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119) yang mana memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang dalam apa-apa cara yang terlibat atau kena mengena dalam perkara yang sedang disiasat itu, berhak untuk diwakili oleh seorang peguambela dalam keseluruhan siasatan itu.

Tidak timbul konflik kepentingan beliau mengetuai pasukan peguam pemerhati bagi pihak SPRM kerana sepanjang siasatan Suruhanjaya tersebut beliau turut dibantu oleh Encik Masri bin Daud dan Encik Mohammed Heikal bin Ismail bagi pihak SPRM.

Sekian .Terima kasih.

**NO. SOALAN :63**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS  
(2012)** \_\_\_\_\_

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH 28 MAC 2012 (RABU)**

**SOALAN**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik terkini orang yang memohon untuk murtad dan yang telah murtad tanpa permohonan.**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, **tidak ada penganut agama Islam yang telah murtad berdasarkan tiada jenis permohonan untuk murtad di Mahkamah Syariah, kecuali permohonan mengisytiharkan status agama yang lazimnya terdiri dari empat (4) kategori pemohon iaitu :**





- a) seseorang yang telah dinamakan oleh ibu bapanya dengan nama-nama orang Islam dan pihak Jabatan Pendaftaran Negera telah mendaftarkan status agama anak tersebut sebagai Islam. Maka pihak-pihak tersebut akan hadir ke Mahkamah Syariah untuk mendapatkan perintah pengesahan status agama sebenarnya sebagaimana yang dianuti dan diamalkan. Kes ini berlaku di negeri Sabah. (Contohnya Jamaluddin, Noraini dan Asan)
  
- b) seseorang yang diragui agama Islamnya kerana masih mengamalkan ajaran-ajaran asalnya dan apabila hadir ke Mahkamah untuk memohon pengisytiharan status agamanya. Setelah siasatan dijalankan, mahkamah mendapati syarat-syarat utama proses memeluk agama Islamnya sebagaimana ditetapkan oleh Hukum Syarak tidak sempurna.
  
- d) seseorang yang lahir berstatus / beridentiti Islam tetapi tidak pernah mengamalkan ajaran Islam. Lazimnya berlaku apabila anak yang lahir dimana ibubapanya saudara baru dan setelah kematian ibubapa, anak tersebut tetap tinggal dengan saudara maranya yang bukan Islam sehingga ia dewasa.
  
- e) seseorang yang memeluk agama Islam dan hadir ke Mahkamah Syariah untuk memohon menukar status agamanya. Setelah disiasat Mahkamah mendapati ia telah kembali mengamalkan ajaran agama asalnya.

Sehingga kini, tiada permohonan dibuat oleh individu yang asal beragama Islam, mengamalkan ajaran Islam dan kemudian memohon pengisytiharan menukar status agamanya di Mahkamah Syariah.

Manakala bagi maklumat dan statistik **orang Islam yang telah menukar status agamanya tanpa permohonan secara rasmi, pihak Kerajaan melalui agensi yang berkaitan samada Majlis Agama Islam negeri- negeri**

mahupun Mahkamah Syariah Negeri-negeri tidak mempunyai rekod dan data berkenaan dengannya.

Sekian, terima kasih.

(0

) NO SOALAN :\*

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA** : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG  
(WANGSA MAJU)

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 28.03.2012

**Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kes-kes di mana Jabatan Kastam DiRaja (Kastam) telah membenarkan sebahagian daripada pembekuan wang di bawah Anti-Money Laundering dan Terrorist Financing Act 2006 dilepaskan untuk membolehkan syarikat-syarikat membayar gaji pekerjaanya dan/atau perbelanjaan untuk terus beroperasi dan bagi setiap kes tersebut tempoh masa Kastam mengambil untuk membuat keputusan melepaskan sebahagian wang yang di beku di bawah Akta tersebut untuk tujuan membayar gaji dan bayaran untuk syarikat-syarikat terus beroperasi.

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menyita dan membekukan sejumlah RM171.83 juta melibatkan 32 buah syarikat di bawah

*Anti Money Laundering Act* dan *Anti Terrorism Financing Act 2001*. Walau bagaimanapun, sebanyak RM50.62 juta telah dilepaskan oleh pihak Jabatan berdasarkan arahan daripada Jabatan Peguam Negara. Jumlah wang yang telah digunakan oleh syarikat-syarikat yang disiasat bagi tujuan bayaran gaji dan bayaran operasi syarikat adalah diluar bidang kuasa Jabatan.

NO. SOALAN:

65 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN KARPAL SINGH

TARIKH 28 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

TUAN KARPAL SINGH [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan undang-undang memperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan yang disabitkan dengan hukuman mati sepanjang hayat (*natural life*). Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN: DAT O' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jika dilihat pada keseriusan jenayah yang berlaku dalam

masyarakat hari ini, adalah wajar bagi Kerajaan untuk mengekalkan hukuman mati bagi

**NO. SOALAN: 65**

mengekang kesalahan-kesalahan berat seperti membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan [Akta 574], pengedaran dadah berbahaya di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234], dan kesalahan-kesalahan berhubung dengan senjata api, amunisi dan bahan letupan daripada menjadi semakin serius.

2. Begitu juga dengan hukuman selama tempoh hayat (*natural life*) turut membabitkan kesalahan yang serius sebagai contoh bagi kesalahan di bawah seksyen 4 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] iaitu menunjukkan senjata api pada masa melakukan sesuatu kesalahan seperti rompakan dan pemerasan, dan kesalahan di bawah seksyen 32 Akta Senjata 1960 [Akta 206] iaitu menggunakan dan memiliki senjata dalam kes tertentu.

3. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menghapuskan hukuman mati atau hukuman selama tempoh hayat daripada sistem keadilan jenayah negara. Kerajaan berpendapat bahawa hukuman-hukuman ini masih perlu bagi kesalahan-kesalahan berat yang tertentu.

Hukuman ini lebih bersifat retribusi (*retributive aim*) iaitu bertujuan untuk bertindak balas terhadap pesalah atas kesalahan yang telah dilakukannya.

**NO. SOALAN: 65**

4. Kesalahan ini dilihat sebagai suatu kesalahan yang bertentangan dengan masyarakat dan komuniti dan sebagai balasan, masyarakat dan komuniti melalui mahkamah mengenakan hukuman terhadap pesalah.

5. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyambut baik apa-apa cadangan yang diberikan oleh mana-mana pihak yang menyokong pemansuhan hukuman mati dan hukuman selama tempoh hayat.

6. Cadangan tersebut akan diberi pertimbangan yang sewajarnya setelah kajian yang menyeluruh dan penelitian yang rapi dibuat dalam pelbagai aspek dan juga setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak. Perkara ini adalah perlu kerana pemansuhan hukuman mati dan hukuman selama tempoh hayat akan memberikan impak yang besar kepada sistem perundangan negara ini. Pindaan yang sewajarnya juga perlu dibuat kepada undang-undang jenayah yang tertentu sekiranya hukuman-hukuman tersebut dimansuhkan di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

**NO-AWP-:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [ MAS  
GADING ]**

**TARIKH 28 MAC 2012**

**RUJUKAN 4495**

**SOALAN :**

**Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah/tindakan Kementerian  
untuk memperbaiki pengurusan, fasiliti dan sumber kewangan untuk  
pasukan RELA amnya.



## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Mas Gading yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa langkah dalam memperbaiki pengurusan, fasiliti dan sumber kewangan untuk pasukan RELA. Usaha-usaha ke arah tersebut antara lain ialah memperkemaskan pengurusan pasukan RELA adalah melalui kombinasi pegawai-pegawai terdiri daripada bekas-bekas pegawai tentera dengan pegawai-pegawai lantikan tetap di Pejabat RELA Negeri dan Pejabat RELA Daerah. Selain itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan RELA dalam proses untuk melahirkan semula (*rebirth*) RELA dalam bentuk baru dengan mewujudkan Akta baru RELA yang mana fungsi RELA yang baru nanti akan berpaksikan kepada Teras 4K (keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian) bersesuaian dengan cabaran dan kehendak masa kini. Kelahiran semula RELA akan disusuli dengan beberapa pelan tindakan yang melibatkan penstrukturan semula organisasi hingga keperingkat konsolidasi platun, pembangunan modal insan dan meningkatkan infra dan infostruktur.

Dari segi fasiliti, masa kini RELA mempunyai pejabat di seluruh negeri dan daerah untuk memastikan pentadbiran dan operasi berjalan lancar. Selain itu, RELA juga mempunyai empat (4) Pusat Latihan RELA Wilayah iaitu Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan, Pusat Latihan RELA Wilayah Timur, Pusat Latihan RELA Wilayah Utara dan Pusat Latihan

RELA Wilayah Sabah untuk memastikan anggota RELA yang terlatih, berdisiplin dan berkualiti. Keperluan logistik seperti kenderaan, pakaian seragam dan keperluan peralatan sememangnya menjadi aspek yang diberi keutamaan oleh Kementerian dan Kerajaan.

Dari segi sumber kewangan pula, peruntukan kewangan sememangnya menjadi satu perkara yang amat dititikberatkan oleh Kerajaan bagi memastikan segala aktiviti RELA menjadi lebih baik dan berkesan. Peningkatan peruntukan kewangan dari tahun ke tahun amatlah ketara, misalnya RM 59.1 juta pada tahun 2009 telah meningkat pada tahun 2010 kepada RM 67.0 juta. Peruntukan kewangan pada tahun 2011 telah meningkat kepada RM 78.0 juta.

**SOALAN NO : 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB DATIN LINDA TSEN THAU LIN  
[BATU SAPI]**

**TARIKH 28 MAC 2012**

**SOALAN**

**Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kemudahan dan kepakaran yang sedia ada di Hospital Duchess of Kent Sandakan untuk rawatan kecemasan penyakit jantung.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan amat prihatin terhadap keperluan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat, termasuklah perkhidmatan bagi rawatan kecemasan penyakit jantung. Hospital Duchess of Kent, Sandakan adalah sebuah hospital berpakar dan pakar residen yang berkhidmat di hospital tersebut termasuklah Pakar Perubatan Kecemasan dan Pakar Perubatan.

Di Hospital Duchess of Kent, pesakit yang mengalami penyakit jantung yang memerlukan rawatan kecemasan akan diberi rawatan dengan segera di Jabatan Kecemasan dan Trauma, di mana, terdapat Pakar Perubatan Kecemasan yang ditempatkan di hospital tersebut. Seterusnya, pesakit akan dirawat oleh Pakar Perubatan di wad Rawatan Rapi Koronori atau di wad biasa bergantung kepada keadaan klinikal pesakit. Sekiranya pesakit perlu rawatan kepakaran jantung, pesakit akan dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth untuk rawatan lanjut oleh Pakar Kardiologi atau Pakar Bedah Kardiotorasik.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

Pertanyaan

Daripada

Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]

28 Mac 2012 (Rabu)

Tarikh Menjawab

No. 68 (PR-1251-L48531)

Soalan

Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan kriteria dan juga jumlah bantuan untuk tanam baru dan tanam semula kebun-kebun dan estet-estet pokok getah. Berapakah jumlah peruntukan tanam semula yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk tahun 2011 & 2012 dan kenapa banyak pejabat RISDA tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk tanam semula bagi tahun 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menentukan industri getah negara kekal mampan dan bagi meringan beban pekebun kecil dalam tanaman getah, Kerajaan telah menyediakan dua skim iaitu Skim Bantuan Tanam Semula Getah dan Skim Bantuan Tanam Baru Getah. Bantuan yang diberikan ini adalah berbentuk insentif tunai, input pertanian dan khidmat sokongan.

Kadar bantuan yang disediakan dibawah kedua-dua program tersebut adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia : RM 9,230 sehektar

Sabah : RM 14,000 sehektar

Sarawak : RM13,500 sehektar

Dalam melaksanakan program ini, syarat atau kriteria utama untuk mendapatkan bantuan ini adalah pemilik atau pekebun kecil itu hendaklah merupakan seorang warganegara Malaysia dan memiliki keluasan tanah diantara 0.25 hektar sehingga 40.2 hektar.

Dari segi peruntukan pula, di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) Getah, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM194.723 juta bagi program tanam semula dan tanam baru getah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi tahun 2011 dan 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KELIMA, PARLIMEN KE-12, 2012**

Program ini akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Secara keseluruhannya, jumlah kawasan yang terlibat adalah seluas 52,222 hektar, iaitu tanam semula seluas 34,760 hektar dan tanam baru seluas 15,752 hektar.